



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

CWT 3103

PROJEK PENYELIDIKAN

**"KAJIAN TERHADAP KAEDAH PENDALANG MUDA PERSEMPAHAN  
WAYANG KULIT KELANTAN DI BACHOK KELANTAN"**

PELAJAR:

HADI NOR HAQIM BIN HASHIM

C19A0131

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

KELANTAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## PENGHARGAAN

Alhamdulilah, dengan jayanya saya selaku pengkaji telah menyiapkan penulisan tesis bagi kursus CWT 3103 Projek Penyelidikan yang bertajuk “Kajian Terhadap Kaedah Pendalang Muda Persembahan Wayang Kulit Kelantan Di Daerah Bachok Kelantan”. Penghargaan ini saya tujukan kepada ibu bapa saya yang selama ini menyumbangkan dari segi kata-kata semangat dan nasihat serta didikan selama ini dan juga sentiasa berada di belakang saya sepanjang saya menyiapkan tugas penulisan tesis ini sehingga ke tahap pengakhiran dan juga selesai tugas kajian berkenaan.

Saya juga mahu menyampaikan jutaan ucapan terima kasih yang tak teramat sangat kepada penyelia yang saya hormati iaitu Encik Mohd Aswawi bin Isa yang selama ini telah banyak menyumbang dari aspek bimbingan dan tunjuk ajar serta menegur dan menasihati saya selama saya membuat tugas penulisan tesis ini. Teguran dan nasihat tersebut amat berguna dan bernas dalam membuat penulisan tesis yang lengkap dan betul. Atas jasa baik beliau, ia memberi peluang yang berharga kepada saya untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti hasil prestasi saya dalam menyempurnakan penulisan tesis ini.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih ini saya tujukan khas kepada rakan seperjuangan dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembikinan projek ini terutamanya kepada responden dan tokoh wayang kulit yang sudi bekerjasama dan meluangkan masa mereka untuk ditemuramah bagi memberi info dan ilmu yang berguna bagi menyiapkan tesis ini. Saya berharap hasil kajian saya ini mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T dan juga memberi orang lain menggunakan untuk proses pembelajaran dan pengetahuan am.

**ABSTRAK**

Kajian berkenaan persembahan wayang kulit bukanlah satu bidang yang asing. Rintisan terhadap kajian mengenainya adalah rentetan daripada hasrat bagi merealisasikan untuk membuat satu dokumentasi berkenaan sejarah dan pengurusan persembahan wayang kulit terutama sekali dengan menggunakan kaedah pendalang muda dalam konteks kebudayaan masyarakat sekitar dan skop kajian merangkumi kawasan sekitar negeri Kelantan. Wayang kulit secara sejarahnya sudah wujud sejak ratusan tahun dahulu lagi. Ia juga mengangkat martabat kebudayaan ini selaras dengan tema masyarakat dan berpandukan nasihat dan tauladan sebagai medan untuk keunikan budaya tersebut. Meyelusuri apa yang terdapat pada wayang kulit ini jelas ditekankan untuk membawa maksud dan definisi sebenar akan kelangsungan kebudayaan wayang kulit terhadap pendalang muda. Perubahan stigma masyarakat terhadap kaedah pendalang muda dalam persembahan wayang kulit jelas menunjukkan tiada kajian yang khusus berkenaan topik ini. Oleh itu, perlu jelas akan kajian yang ingin dilakukan agar stigma masyarakat akan pro dan kontra terhadap kebudayaan wayang kulit menggunakan kaedah pendalang muda dapat diperluas secara komprehensif dan terperinci.

KELANTAN

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0. PENGENALAN

Bab 1 akan menyingkap secara lengkap dan terperinci akan perihal pandangan secara rawak dan tuntasnya yang terperinci dan menyeluruh mengenai info-info kajian dan sumbangan bagi kajian selepasnya. Ia akan dimulai oleh pengenalan disusuli oleh latar belakang kajian. Seterusnya akan adanya pernyataan masalah dan selepas itu akan menyusulnya pula objektif kajian di dalam kajian ini. Selepas objektif kajian ini akan adanya persoalan kajian bagi merungkai sebahagian besar isi dan intipati kajian ini. Selepas itu akan adanya isi bagi kepentingan kajian bagi mendapat indipati kepentingan sepanjang melakukan kajian ini. Selepas itu adanya batasan dan skop kajian di mana menerangkan secara ringkas kawasan kajian secara ringkas. Struktur kajian menerangkan ketiga-tiga bab secara ringkas dan indicator bagi setiap bab tersebut dan akhir sekali adanya kesimpulan bagi menyimpulkan secara umum

indipati yang ada di dalam bab 1.

Kelantan sebuah negeri yang kaya akan keanekan ragam budaya dan warisan yang terselindung di sebalik kekuatan dan keteguhan syariat islam di negeri ini. Warisan yang terkandung di dalam mekanisma budaya berunsurkan islam atau patuh syariah sesuai akan undang-undang dan prinsip di dalam pentadbiran negeri Kelantan. Antara warisan budaya yang terkenal dan sinonim dengan negeri digelar serambi mekah ini adalah wayang kulit, rebana kering, mak yong, dikir barat, main puteri dan sebagainya sejak turun temurun lagi.

Wayang kulit adalah sebuah seni persembahan tradisional yang berasal dari tanah Jawa, Indonesia. Wayang sinonim dengan istilah yang terdapat di dalam bahasa Jawa yang bermakna "bayangan". Hal ini adalah disebabkan kerana penonton juga bisa menonton wayang dari belakang kelir atau hanya bayangannya saja. Wayang kulit digerakkan oleh seorang dalang yang juga menjadi moderator dan membunyikan dan melontarkan dialog tokoh-tokoh wayang. Dalang memainkan wayang kulit disebalik kelir. Kelir adalah layar yang tediri daripada kain putih, sementara di belakangnya dipancarnya sebuah lampu bagi mewujudkan bayangan dan cahaya di sebalik tadbir kelir tersebut.

Secara umumnya di Malaysia sememangnya nama wayang kulit tidak asing lagi di kalangan orang ramai secara amnya. Oleh yang demikian, terdapat empat jenis persembahan wayang

kulit iaitu Wayang Kulit Melayu, Wayang Kulit Gedek, Wayang Kulit Purwa (atau Wayang Kulit Jawa) dan Wayang Kulit Kelantan (atau Wayang Kulit Siam).

Kesemua empat jenis wayang kulit ini boleh ditemui di Semenanjung Tanah Melayu. Wayang Kulit Melayu Kelantan dikatakan berasal dari Kemboja dan dibawa masuk melalui Patani, Selatan Thailand. Ceritanya berdasarkan Hikayat Ramayana dan penglipur lara tempatan. Watak-watak wayang kulit ini menggunakan loghat Kelantan. Antara watak penting ialah Hanuman, Sri Rama, Sita Dewi, Maharaja Rawana dan Laksamana. Dalam warisan wayang kulit ini, ia sering dipadankan dengan unsur-unsur mistik dan juga wayang kulit juga medium dan alat untuk berhibur dalam kalangan masyarakat suatu ketika dahulu.

## 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Wayang kulit dapat dilabelkan sebagai teater tradisional. Teater tradisional bersifat tradisi lisan, iaitu proses pembelajarannya diterima dari mulut ke mulut atau lebih tepat diperturunkan dari generasi ke generasi yang lain. Wayang kulit juga adalah salah satu bentuk seni persembahan yang terdapat bukan sahaja di Malaysia, Thailand, China malah di seluruh Asia Tenggara. Pelbagai pendapat yang telah dikemukakan tentang asal-usul wayang kulit. Rata-rata berpendapat bahawa wayang kulit telah wujud di Indonesia sejak beberapa kurun lalu dan dibawa dari India serentak dengan proses penyebaran agama Hindu. Menurut Ghose (2001), prinsip persembahannya sama, iaitu melahirkan bayangan dalam bentuk patung ke atas kelir dengan menggunakan cahaya. Cuma yang berbeza ialah bentuk dan saiz patung, cara menggerakannya dan irungan muzik.

Wayang Kulit Siam (atau juga lazim dikenali Wayang Kulit Kelantan di Malaysia) ialah sejenis kesenian wayang kulit yang berasal dari Kemboja yang lazim dimainkan oleh orang Thai dan Khmer dan menjadi popular di negeri Kelantan. Ia merupakan satu dari empat jenis persembahan wayang kulit yang lazim di Malaysia. Wayang Kulit Siam telah dikenal sebagai jenis persembahan wayang kulit yang tertua. Wayang kulit merupakan salah satu upacara pertunjukan budaya dan hiburan di kalangan masyarakat terdahulu. Dalang sebagai seorang figura penting dalam persembahan wayang kulit. Ia bukan sekadar memainkan patung, tetapi berfungsi sebagai pemimpin sesebuah kumpulan persembahan.

Menurut Sikana (1996), dalam kehidupan masyarakat Melayu, dalang adalah bomoh, penasihat dan tokoh yang dijadikan rujukan dalam kehidupan masyarakat Melayu apabila berkait rapat dengan amalan kepercayaan ritual.

Wayang Kulit Kelantan adalah persembahan wayang kulit yang disampaikan dalam bahasa Melayu loghat Kelantan. Cerita-cerita yang disampaikan adalah berdasarkan kisah Hikayat Sri Rama yang disadur dari kitab Epik Hindu iaitu Hikayat Ramayana. Patung dibuat dalam bentuk mengiring dan kebanyakannya berdiri di atas sesuatu seolah-olah watak kepada patung berkenaan berdiri di atas satu-satu kenderaan seperti nagaa, ular atau bunga-bungaan. Pada patung itu juga, kebanyakannya hanya dapat menggerakkan sebelah tangan sahaja iaitu tangan di hadapan. Manakala tangan di belakangnya pula memegang senjata. Alat-alat muzik yang mengiringi persembahan wayang kulit Kelantan adalah seperti serunai, sepasang gedombak, sepasang gendang, sepasang geduk, sepasang gong atau tetawak, canang dan juga kesi.

Wayang Kulit merupakan satu seni persembahan teater tradisional yang popular di kalangan masyarakat Asia Tenggara. Sebelum kedatangan media elektronik, wayang kulitlah menjadi salah satu seni hiburan kepada masyarakat setempat. Kebiasaannya, wayang kulit dipersembahkan dalam upacara-upacara keramaian dan kadang kalanya dikaitkan dengan unsur ritual yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Wayang kulit adalah satu persembahan yang menggunakan konsep cahaya dan bayang. Cahaya akan dipancarkan di belakang kelir dan patung-patung wayang yang diperbuat daripada kulit haiwan itu pula akan digerak-gerakkan diantara kelir dan cahaya. Lalu membentuk bayang-bayang dihadapan kelir. Patung-patung digerakkan oleh seorang dalang mengikut cerita yang dibawa berserta iringan muzik.

Walaupun fungsi dan asas persembahan wayang kulit ini sama tetapi nama bagi persembahan wayang kulit ini berbeza mengikut tempat serta negara. Di Thailand, wayang kulit lebih dikenali dengan nama Nhang Talung dan di Indonesia pula dikenali dengan nama Wayang Purwo.

Peranan dalang sebagai pemimpin kumpulan, bomoh dan ahli persembahan membuatkan beliau dihormati dan dipandang tinggi dalam kalangan masyarakat. Kepercayaan bahawa pemimpin merupakan wakil Tuhan di muka bumi adalah Gendang Alam, Jilid 10 (2), 2020 42 pegangan masyarakat Melayu tradisional. Kepercayaan ini dipegang sejak zaman animisme, Hindu-Buddha hingga ke zaman Islam. Menurut Talib (2008), setiap dalang wajib mengikuti tradisi berguru dengan dalang tua bagi memastikan penguasaan mereka dalam setiap aspek persembahan sama ada melibatkan amalan, nilai dan pantang larang secara ritual mahupun kesenian mampu meneruskan manifestasi kepercayaan masyarakat.

Peranan dalang menjadi lebih luas dan terbuka dalam konteks penceritaan di dalam persembahan wayang kulit mengikut kaedah pendalang muda ini termasuk peranan dalang khususnya dalang muda adalah ilmu kebatinan dan agama akan menjadikan dalang muda dapat menerima sebarang kejadian yang berisiko melibatkan alam ghaib. Kaedah pedalang muda dalam persembahan wayang kulit sememangnya terdapat perbezaan dengan kaedah pedalang tua. Dari segi muzik dan irama lagu yang digunakan, berbeza dengan irama lagu

dan muzik yang digunakan oleh Dalang Tua. Antara pertukaran dalam persembahan wayang kulit Kelantan adalah di dala babak dalang muda adalah dimulai oleh lagu permulaan iaitu

lagu bertabuh, selepas itu disusuli oleh lagu lenggang beringin ataupun dikenali sebagai tok mahasiko. Selepas itu, diikuti oleh lagu perang dewa panah lagu. Lagu seterusnya adalah lagu Sri Rama Keluar. Selepas lagu sri rama ini alat muzik gedombak akan dimainkan sebagai tanda watak wayang kulit sri rama ini keluar. Selepas lagu sri rama sebagai tanda sri rama keluar akan dimainkan lagu hulubalang sebagai tanda watak hulubalang-hulubalang masuk ke perkarangan singahsana raja untuk raja menerima menghadap. Dan seterusnya akan dimainkan lagu menyembah yakni iaitu sebagai tanda hulubalang-hulubalang yang menghadap raja itu menyembah raja ketika raja sudah bersemayam di singahsana baginda.

Selepas lagu menyembah raja, dimainkan pula lagu sri rama berkabar bagi menandakan perkhabaran yang dilakukan oleh sri rama kepada raja. Selepas itu, diputarkan pula lagu berjalan iaitu masuk anjung menandakan kemasukan raja di anjung singgah sana. Selepas selesai lagu berjalan berlaku pertukaran daripada watak yang dimainkan oleh dalang muda kepada dalang tua. Di pertukaran babak muda kepada tua ini, dimainkan lagu tukar dalang bagi menandakan pertukaran dalang muda kepada tua. Tujuan persembahan sekarang ini tidak lain bagi bagi proses pembelajaran bermain wayang kulit. Selain itu, adanya upacara adat bersemaah yang dilakukan oleh dalang yang sudah mempunyai ijazah perdalangan. Upacara ini dikenali sebagai sembah guru yang biasanya dilakukan setiap satu atau tiga tahun sekali dan adanya acara seperti melepas niat iaitu utk mereka yg telah berniat akan

melakukan persembahan wayang kulit bagi mendapat sesuatu kurnia'an atau terlepas dari musibah.

Di samping itu, ada juga persembahan wayang kulit dimainkan bagi memenuhi undangan khas iaitu bagi persembaghan bagi majlis-majlis keraian, hari jadi, perayaan dan lain-lain. Persembahan wayang kulit juga diaminkan oleh penggiat seni wayang kulit bagi menyara hidup dengan bermain wayang kulit dengan bayaran akan dikenakan bagi penonton yang menonton persembahan wayang kulit. Secara umumnya, keunikan persembahan wayang kulit Kelantan ini adalah wayang kulit ini mempunyai lebih 35 buah lagu yang perlu dinyanyikan oleh para dalang dan panjaknya.

Akhirnya, dari segi ukiran patung di wayang kulit Kelantan, amatlah wajar bagi seseorang dalang untuk memiliki bakat dan kemahiran melukis dan mengukir patung wayang kulit kerana ia merupakan satu perkara dengan penting dan memerlukan kesabaran yang tinggi dan perlu tekun apabila membuat patung tersebut yang menggunakan kulit lembu dan kambing. Kulit lembu dan kambing tersebut akan diawet dan dikeringkan sebelum proses kemahiran melukis, memahat dan menatah dilakukan. Ia memerlukan tahap kesabaran yg tinggi oleh si pengukir tersebut. Biasanya pengukir dan pembuat patung wayang kulit biasanya tok dalang sendiri yang akan melakukan perkara tersebut.

Kesimpulannya, harus diingat bahawa warisan yang ada pada bangsa kita ini harus dipelihara dan tidak salah kita hanya mengetahui namun alangkah baik kita sendiri menyelusuri sendiri bagaimana wayang kulit khususnya wayang kulit Kelantan ini dimainkan dengan adanya pertukaran dalang muda kepada dalang tua, lagu yang dimainkan hingga mengenal sendiri lebih lanjut tokoh pemain dan penggiat yang memainkan wayang kulit ini

agar satu hari nanti anak generasi akan dating dapat mengenal apa itu wayang kulit dan dapat menjadi ikon komersial pelancongan khususnya sebagai platform promosi pelancongan budaya negeri Kelantan.

## 1.1 PERNYATAAN MASALAH

Dalam kajian ini membahaskan atau menfokuskan mengenai “Kajian Terhadap Kaedah Pendalang Muda Persembahan Wayang Kulit Kelantan Di Bachok Kelantan”. Walau bagaimanapun terdapat masalah dalam kajian ini. Diantara pernyataan masalah ialah tidak ramai generasi muda khusunya generasi muda dan anak muda negeri lahirnya wayang kulit ini untuk mencuba mengetahui atau mengambil berat akan soal akan kebudayaan negeri Kelantan khususnya kebudayaan mengenai wayang kulit. Oleh yang demikian, demi bagi melestarikan kebudayaan wayang kulit ini, legasi perlu diwujudkan bagi meneruskan kesinambungan bagi legasi dalam kebudayaan dan warisan wayang kulit ini dapat diteruskan khususnya di kalangan generasi muda. Bersandarkan fakta dan realiti masa kini, kajian ini dilakukan bagi memperlihatkan peranan dalang muda dalam persembahan wayang kulit sebagai penyambung legasi bagi kebudayaan di negeri Kelantan ini. Ia juga sebahagian daripada usaha sama bagi membantu pihak kerajaan dalam mempromosi dan mengembangkan serta menambah baik daripada sebelumnya akan kebudayaan ini dan juga bagi dijadikan satu ikon pelancongan

negeri Kelantan yang terkenal akan kebudayaan dan warisan yang menarik dan wayang kulit adalah salah satu contohnya dengan memperlihatkan dalang muda sebagai tok dalang yang memainkan akan wayang kulit tersebut.

Akan tetapi, terdapat beberapa permasalahan dan kekangan dihadapi bagi merealisasikan kajian yang sedang dalam pembikinan ini. Kekurangan bahan rujukan seperti bahan ilmiah dan bacaan mengenai wayang kulit merencatkan keberhasilan bagi menyiapkan kajian ini. Selain itu, kekurangan sumber sekunder seperti sumber-sumber lisan sebagai bahan rujukan juga menjadi faktor akan keberkesanan dalam terhasilnya kajian ini. Ini dikuatkan dengan tidak banyak sumber rujukan atapun dari segi bahan bacaan dan bahan sumber laman sesawang yang menerangkan mengenai persembahan wayang kulit ini. Banyak daripada antara mereka yang sudah uzur dan tua menyukarkan akan mendapatkan maklumat lebih lanjut dan tepat kerana kebanyakan daripada sudah nyanyuk dan lupa akan maklumat dan pengalaman mereka ketika waktu mereka masih aktif. Mereka juga tidak lagi bergiat secara langsung dan pembabitan mereka dalam warisan wayang kulit hanya di belakang tabir sahaja.

Seterusnya, kurangnya penglibatan anak muda dalam kegiatan ini sebagai generasi yang meneruskan legasi warisan ini merupakan salah satu faktor mengapa keberkesanan pendalang muda di dalam persembahan wayang kulit dipertikaikan. Pendalang muda dalam wayang kulit amat penting dalam persembahan kebudayaan. Ia membawa satu dimensi baharu dalam kebudayaan wayang kulit ini. Namun begitu, seperti yang sedia maklum, bahawa wayang kulit ini mempunyai satu nilai yang signifikan terhadap proses resusitasi terutama sekali dengan pendekatan kaedah pendalang muda di dalam persembahan wayang kulit. Mungkin sudah tiba waktu generasi ke 2 dan ketiga ini meneruskan secara giat lagi untuk

menyemarakkan lagi seni warisan bangsa kita ini.

Akan tetapi ianya tidak terhenti di situ, kajian kebudayaan ini memberi kesan terhadap dimensi ketiga dalam memberi kajian yang lengkap dan komprehensif. Ia di mana kekurangan aktiviti-aktiviti membabitkan kegiatan membabitkan publisiti yang diuar-uarkan mengenai wayang kulit khususnya menggunakan kaedah pendalang muda. Dari detik inilah dapat menyaksikan bahawa aspek sebegini rupa perlu diberi penekanan agar prospek baharu terhadap kajian penyelidikan berkenaan kebudayaan wayang kulit khususnya di kalangan golongan muda di negeri Kelantan.

## 1.2. OBJEKTIF KAJIAN

Dalam setiap kajian, kerangka perlu wujud dengan kerangka yang tepat dan jelas bagi menghasilkan kajian yang berkualiti dan bagi mewujudkan hasrat terbabit, ia memerlukan objektif bagi mempunyai hala tuju yang kukuh bagi kajian yang dijalankan. Persepsi ini jelas bagaimana kajian terhadap kaedah pendalang muda dalam persembahan wayang kulit jelas dilihat di mana bersandarkan rangkuman dan idea yang berasas dan relevan dalam objektif bagi isi-isi yang berbangkit dalam kajian yang dijalankan.

Kajian ini sudah mengariskan dengan tiga kata kunci utama yang merujuk kepada perkataan dasar bagi objektif yang ingin dikehendaki dalam kajian ini. Tiga kata kunci ini diuraikan secara lebih lanjut dan terperinci supaya pemahaman dapat dicapai oleh para penilai terhadap keinginan kajian ini. Objektif kajian ini dikemas atur mengikut kerangka yang dikehendaki bersandarkan beberapa prospek yang dinilai sepanjang kajian ini dijalankan.

**Prospek pertama:** Mengenalpasti cara bagaimana persembahan wayang kulit dengan kaedah pendalang muda dipersembahkan. Persepsi terhadap kajian ini dilihat dengan cara bagaimana wayang kulit mengikut kaedah pendalang muda simainkan mengikut susun atur dan tata tertib dar awal persembahan sehingga pengakhiran permainan dengan ritual lawa jenaka dan kreativiti tok dalang ketika memainkan watak-watak yang terdapat di wayang kulit tersebut. Perkara ini dapat disimpulkan di bawah silibus yang pertama di persembahan wayang kulit iaitu menyaksikan secara tersusun dan lengkap persembahan wayang kulit dalam erti susun atur yang terperinci dan difahami akan setiap pergerakan dan konstrubusi di dalam persembahan tersebut.


**Prospek kedua:** Mengelakkan penerimaan golongan muda kini terhadap wayang kulit khususnya penggunaan kaedah pendalang muda dalam di negeri Kelantan. Perkara ini akan terus dilihat sebagai apa yang perlu ada dalam sesuatu acara persembahan wayang kulit dalam meyesuaikan dengan kehendak dan situasi persekitaran masa kini. Adakah pada masa kini golongan muda melihat dalam konteks sisi komuniti setempat mereka perlu diabaikan dan disisihkan atau prospek sebegini perluada satu stigma yang perlu dibangunkan? Persoalan ini perlu dihuraikan di dalam objektif kajian yang kedua ini.

**Prospek ketiga:** Menganalisis idea bagaimana meningkatkan nilai warisan wayang kulit khususnya kaedah pendalang muda. Dapat menarik golongan muda untuk membuat persembahan dan memainkan wayang kulit secara bukan dalam bentuk satu medium untuk hiburan semata-mata malahan menjadi satu bentuk hobi dan kegemaran di kalangan anak muda hari ini. Perkara sedemikian dapat memberi gambaran luas capaian wayang kulit mengikut kaedah pendalang muda dalam penembusan minat dalam kalangan anak muda.

### **1.3. PERSOALAN KAJIAN**

1. Bagaimana cara persembahan wayang kulit dengan kaedah pendalang muda dipersembahkan?
  2. Sejauh mana penerimaan golongan muda di negeri Kelantan untuk mengekalkan minat terhadap wayang kulit kaedah pendalang muda?
  3. Apakah cara untuk meningkatkan nilai kebudayaan wayang kulit khususnya megaplikasikan kaedah pendalang muda ketika persembahan?

## **1.4. SKOP DAN BATASAN KAJIAN**



**Rajah 1.1: Peta Kawasan Kajian di Daerah Bachok, Kelantan**

Skop kajian juga merupakan batasan cara hendak sesebuah kajian itu dibuat yang mempunyai strategi dan rancangan pada skop tertentu yang telah ditetapkan. Batasan ini memastikan kajian ini tidak menjadi tergantung dan tidak tersusun serta jauh menyimpang daripada tujuan dan kehendak kajian yang telah disusun dalam objektif, dalam Bahasa mudahnya, kajian ini dapat dijalankan lebih tersusun, terperinci, komprehensif dan memenuhi apa yang diingini iaitu kajian kaedah pendalang muda persembahan wayang di Daerah Bachok Kelantan. Bagi merungkai mengenai daerah Bachok ini, Bachok merupakan salah satu di kalangan sepuluh jajahan di dalam jajahan takluk kerajaan negeri Kelantan dan daerah ini mempunyai tempat yang menarik dan pantai yang dapat dikunjungi oleh pengunjung. Ia terletak di hujung utara negeri Kelantan bersebelahan dengan daerah Kota Bharu di barat dan utara dan berbatasan dengan daerah Pasir Putih di selatan serta menghadap Laut China Selatan di timur. Ia terbahagi kepada 8 daerah kecil dan juga 47 mukim.

UNIVERSITI  
Negeri  
KELANTAN

## 1.5. KEPENTINGAN KAJIAN

Selepas kajian berkenaan warisan wayang kulit yang menggunakan kaedah pendalang muda dilaksanakan, pengkaji telah mengenalpasti beberapa kepentingan yang dapat pengkaji dapat mengenalpasti. Negeri Kelantan yang sinonim akan dengan seni warisan dan persembahan tradisional wayang kulit ini mesti dipeteruskan oleh generasi penerus iaitu golongan muda supaya dapat dipeturunkan oleh satu generasi ke generasi yang lain. Bahan rujukan yang dihasilkan berupa buku dapat memberi pendedahan kepada mereka untuk mengenali warisan dan persembahan wayang kulit dan sekaligus dapat memberi serba sedikit pengetahuan berkenaan perkara tersebut.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat merungkai sendiri seni persembahan dan warisan wayang kulit yang kini semakin sepi dan hamper dilupakan dan usaha ini sedikit sebanyak dapat membangkitkan semula zaman kemegahan warisan ini yang pernah terkenal dan masyhur ketika dahulu. Oleh yang demikian, dari segi untuk membangkitkan semula warisan ini, pengkaji telah merangka gerak kerja bagi membuat satu bahan rujukan dan penyelidikan berbentuk senaskah jurnal dan buku berkenaan warisan wayang kulit yang menggunakan kaedah pendalang muda ini.

Selepas itu, kajian ini menjadi panduan bagi bahan ilmiah akademik untuk pengkaji-pengkaji dan pengiat-pengiat seni warisan Kelantan tidak mengira dari peringkat pendidikan rendah, menengah, institut pengajian tinggi. Selain daripada itu juga kajian ini dapat dijadikan garis panduan dan membentuk mekanisme dan rubrik tertentu kepada

tenaga pengajar dalam membudayakan warisan terulung ini.

Selain itu, kajian tersebut dapat mengenalpasti masalah dan mengetahui serba sedikit berkenaan perkara ini dan menyusun perkara dan strategi bagi menaikkan semula nama warisan pendalang muda dalam persembahan wayang kulit ini. Ia sesuai akan hasrat kerajaan dan aspirasi negara bagi membentuk jati diri kebangsaan melalui falsafah kebudayaan kebangsaan yang berdasarkan kebudayaan kaum asal negara ini. Bagi memastikan hasrat tersebut direalisasikan, dan juga menjadikan kebudayaan kebangsaan lebih efisien, komprehensif dan maka itulah latar belakang dan juga warisan ini juga harus disusun kembali dan dijenamakan semula dari segi penghayatan dan juga publisitinya bagi masyarakat masih ingat dan setiap minda masih segar akan warisan yang satu ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.6. STRUKTUR KAJIAN

1. Bab 1: pengkaji akan menyatakan berkenaan pengenalan tentang pengenalan berkenaan tajuk kajian yang telah dibuat oleh pengkaji. Melalui bab ini juga pengkaji menfokuskan kepada isi kandungan yang terdapat pada bab 1. Antara isi kandungan yang ada pada bab 1 ini adalah pengenalan, latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan struktur kajian.
2. Bab 2: Melalui bab 2 pula, pengkaji akan menjalankan kajian berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dibuat oleh pengkaji terdahulu berkenaan tajuk yang berkaitan dengan tajuk yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu Kajian Terhadap Kaedah Pendalang Muda Persembahan Wayang Kulit Kelantan Di Kota Bharu Kelantan.
3. Bab 3: Melalui bab 3 merujuk kepada bab yang mempunyai beberapa aspek yang hubung kait dengan metodologi kajian. Melalui bab ini, beberapa maklumat yang dimasukkan ke dalam kajian turut dinyatakan iaitu perkara mengenai cara dan pemperolehan data ketika penyelidikan sedang dalam proses untuk disiapkan yang berkaitan dengan tajuk yang telah dipilih

## 1.7. KESIMPULAN

Kajian ini secara tuntasnya telah menyenaraikan pelbagai dapatan kajian yang telah dikaji secara menyeluruh dalam menjamin prospek yang diingini dan juga merangka konsep yang secara langsung dipenuhi secara komprehensif dan sistematik. Dapat membuat kesimpulan di sini bahawa pengkaji mentafsir bagi bab 1 ini adalah pengkaji berpendapat bahawa semua aspek berkenaan dari pengenalan hingga struktur dan skop kajian dibahas dengan baik dan lengkap.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.0. PENGENALAN

Semua sumber kajian yang disiarkan misalnya artikel, jurnal buku, majalah dan akta kerajaan disusun dan dianalisis akan kesesuaian dan kerelevanannya akan teori dan kajian pengalaman lepas yang lengkap dan menepati akan kesesuaian dengan kajian yang dibuat. Bab ini akan memerihalkan akan prospek akan perihal susulan mengenai kajian terdahulu, teori kajian yang lepas dan maklumat dan info yang bersesuaian dan berkaitan dan perkara yang disimpulkan dalam kajian lepas tersebut.

Bab berkenaan juga akan merumuskan keseluruhan kajian lepas dalam bidang persembahan wayang kulit dan rujukan ilmiah dan maklumat yang berkaitan yang dapat disamaartikan dengan kajian ini. Sumber-sumber yang didapati perlu dikaji dan diteliti terlebih dahulu dan difahami oleh pengkaji agar maklumat yang diraih dapat menepati akan matlamat kajian.

Aspek penyampaian dan penerangan mengenai bingkisan kajian ini adalah penting bagi memperincikan lebih lanjut mengenai kajian lepas dan dapat dihubung kaitkan dengan kajian yang sedang dikaji oleh pengkaji. Oleh itu, aspek literatur adalah suatu komponen penting untuk sesebuah penyelidikan kerana mencakupi keseluruhan kajian yang telah dibuat sebelumnya ke atas tajuk penyelidikan dan menyatakan suatu platform bagi meletakkan asas pada kajian yang kini.

Bagi menjayakan hasrat ini, tidak ada sebarang penyelidikan yang dijalankan secara serius tanpa mengkaji dan mananalis terlebih dahulu kajian sebelumnya. Untuk melakukan kajian literatur ini, pengkaji haruslah dapat mencari sumber dan bahan kajian lepas sebelum kajian berikutnya dan selepas itu baru dijalankan. Kajian ini menyediakan kesemua maklumat kepada pembaca dan menunjukkan kesemua analisis dan dapatan yang dioperolehi yang mengembangkan kajian mereka.

Oleh yang demikian, pengkaji sebelum mendapatkan sesuatu maklumat daripada kajian yang lepas, pengkaji akan merujuk kembali kesemua kajian lepas dan akan dikreditkan kepada penyelidik asal.

## 2.1. KAJIAN LEPAS

Untuk memahami lebih lanjut dari aspek kerangka kajian lepas ini, pengkaji membahagikan pembahagian kajian kepada lima prospek kajian yang berbeza. Pembahagian prospek ini memudahkan pembaca dan penyelidik lain untuk menghuraikan, mengkaji, panel penilai dan pemahaman dalam mencari isi penting kajian ini.

### 2.1.1. Wayang Kulit: watak-watak dan peranan setiap watak dalam permainan wayang kulit.

Di dalam persembahan wayang kulit Kelantan, terdapat pelbagai watak di dalam wayang kulit. Berdasarkan Buku wayang Kulit Warisan Teater Melayu 1996:99 ada menyebutkan bahawa, wayang kulit yang lengkap alatannya bagi sesebuah panggung mempunyai di antara 160 hingga 200 keping patung yang terbahagi kepada 10 golongan atau

kumpulan besar. Kesepuluh golongan dewa-dewa, satris, raksasa, para petapa, monyet/kera, ampiak atau perajurit, golongan puteri, senjata, binatang-binatang dan gunungan. Hampir keseluruhan golongan ini mempunyai nama dan bentuk masing-masing.



Sri Rama

Kira-kira dua puluh watak sahaja daripada patung-patung utama wayang kulit melayu dalam kisah Ramayana yang boleh dilabelkan daripada bentuk patung dan tekstur warnanya. Patung-patung lain yang melebihi seratus dilukis, ditebuk dan dicat oleh seseorang dalang mengikut rasa dan kesukaannya. Sememangnya wayang kulit memberi dimensi baharu dan dipengaruhi oleh sekeliling komuniti masyarakat.

Maka itu, tidak pelik jika wayang kulit khususnya wayang kulit Kelantan menjadi hiburan utama pada waktu ketika dahulu.



Watak utama dalam persembahan wayang kulit Laksamana dan Seri Rama

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 2.1.2. Peranan Dalang dalam rekabentuk pentas persembahan.

Dalang mengikut kamus dewan dalang ialah orang yang bertangungjawab menggerakkan patung wayang kulit sambil bercerita. Dalam Bahasa Sanskrit pula ia membawa erti pendita.

“Untuk menjadi dalang yang dianggap handal mereka mestilah sabar dan patuh pada patang larang yang ditetapkan oleh guru mereka. Selain itu, seseorang dalang mestilah mengetahui segala babak yang biasa disebut dalam hikayat Ramayana yang merakamkan kisah-kisah perjuangan Raja Seri Rama. Isterinya, Siti Dewi dan juga musuhnya Maharaja Rawana.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

### 2.1.3. wayang kulit Kelantan: satu kajian kes terhadap simbolisme dalam persembahan

Wayang Kulit Kelantan merupakan persembahan wayang kulit yang tertua di Malaysia. Elemen-elemen yang terdapat dalam simbolisme pohon beringin merupakan gambaran alam atau kerajaan bagi sesebuah negara dalam persembahan wayang kulit. Sebelum wujudnya pelbagai bentuk seni hiburan seperti yang dikenali hari ini, 200 tahun lalu wayang kulit menjadi antara seni persembahan yang sangat popular dan bukan sahaja dimainkan di istana, bahkan bentuk komunikasi, propaganda dan alat perpaduan masyarakat. Gambaran awal mengenai kewujudan kesenian wayang kulit di Nusantara boleh ditemui dalam Syair Kakawin Arjunawiwaha dalam tradisi Jawa yang dihasilkan pada abad ke-10, manakala di Tanah Melayu terdapat catatan sejarah yang merekodkan wayang kulit pernah dimainkan di istana Raja Melayu Kelantan yang pertama sekitar 200 tahun dulu. Misalnya pembabitan penggunaan seperti cahaya, baying secara asasnya wayang kulit adalah bentuk persembahan yang menggunakan prinsip cahaya dan bayang. Bagaimanapun, pelbagai elemen yang mewarnai wayang kulit sebenarnya simbol kepada dunia manusia dan dunia ghaib seperti pandangan masyarakat Nusantara berkaitan alam semula jadi. Masyarakat Nusantara mempunyai pandangan dunia tersendiri berkaitan alam semula jadi dan roh.

Menurut hatta (2016), wayang kulit merupakan tradisi seni yang unggul kerana melalui simbolisme bayangan, pelbagai cerita, mesej dan falsafah boleh disampaikan kepada khalayak ramai. Persembahan wayang kulit menggunakan prinsip cahaya dan bayang serta patung-patung kulit yang terdiri daripada pelbagai watak mitologi dan khayalan dimainkan oleh seorang Tok Dalang, individu yang mengawal patung wayang kulit di belakang tirai

dengan diiringi alunan muzik menggunakan alatan tradisional seperti gong, seruling dan gamelan.

#### **2.1.4. Pengaruh Islam Dalam Persembahan Wayang Kulit Kelantan**

Sebelum kedatangan Islam, terdapat perubahan bentuk wayang kulit patung wayang kulit diukir bagi mendapat bentuk yang sempurna tetapi kedatangan Islam menyaksikan patung wayang kulit direka dan dibentuk dengan pengaruh keislaman, antaranya bentuk patungnya dibuat pipih hingga menjadi dua dimensi dan gambar miring kemudian diberi warna putih dan hitam serta diberi kerangka sebagai pengapitnya. Wayang kulit dibuka dengan upacara buka panggung, iaitu doa yang dipohon bagi mengelakkan persembahan wayang kulit terganggu.

UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA

Upacara berjamu yang turut diadakan sebelum persembahan wayang kulit bermula dipercayai memberi kesan psikologi kepada dalang dalam memperkuatkan daya ingatan khususnya mengingati dialog yang akan dipersembahkan. Menurut Nasir (2016), untuk

memastikan adakah antara generasi muda ini yang akan muncul sebagai tok dalang tidak dapat dipastikan. "Menjadi tok dalang memerlukan disiplin yang kuat dan tekun berguru".

Oleh yang demikian, upacara di dalam persembahan wayang kulit kelantan kebanyakannya diubah dan dipengaruhi oleh unsur-unsur islam bagi mengelakkan perkara mistik, syirik dan sesuai dengan ajaran islam serta mengandungi kandungan cerita berupa nasihat, isu semasa tanpa ada unsur-unsur membawa kearah kerosakan iman dan menyeru makhluk lain.

## **2.2. KERATAN AKHBAR DAN BERITA ELEKTRONIK YANG BERKAITAN WAYANG KULIT KELANTAN**

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka media didefinisikan sebagai alat komunikasi (perhubungan), seperti radio, televisyen dan akhbar. Ia juga disamakan erti dengan bermacam jenis saluran atau perantara komunikasi, medium saluran komunikasi. Ia juga terdiri daripada saluran komunikasi bahan bercetak dan lain-lain. Ia juga berperanan sebagai medium penyampaian sesuatu maklumat dan juga sebagai menyimpan maklumat kepada orang ramai dengan cepat.

Wayang kulit juga menerima banyak liputan dan juga berita di keratin akhbar dan media cetak khususnya bagi menyampaikan maklumat mengenai wayang kulit ini. Ia sebagai tidak lebih daripada memberikan pendedahan, pengetahuan seterusnya pendidikan kepada

pembaca mengenai kesenian terutama apa yang ada di dalam persembahan wayang kulit seperti penggunaan watak dan simbol.



Contoh keratan akhbar mengenai kegiatan wayang kulit Kelantan

#### 2.4.1. Melestari wayang kulit agar dihargai generasi muda

Di keratan akhbar di dalam berita harian Singapura ini, ada mengeluarkan tajuk berita mengenai wayang kulit iaitu Melestari Wayang Kulit agar dihargai Generasi muda. Akhbar ini menemu bual seorang tokoh wayang kulit yang bernama Encik Ibrahim Ariff. Di situ melaporkan bahawa wayang kulit kini mengalami perubahan, inovatif sesuai dengan keadaan semasa dari segi jalan cerita, tajuk cerita dan lain-lain.

Ia juga menyatakan wayang kulit ini wajar ini dipromosikan kepada generasi muda dan perlu memelihara kesenian tradisional ini. Ia juga menyebut bahawa tindakan tersebut bukanlah bermaksud golongan tersebut dilabel sebagai ketinggalan zaman.

Menurut Ibrahim ariff, usaha tersebut dapat memudahkan pembelajaran dan pengajaran kepada anak-anak muda disekolah dan IPT. Bukti adanya perubahan dan revolusi yang ada di dalam persembahan wayang kulit ini dahulu persembahan wayang kulit hanya berlangsung di waktu malam sahaja. Namun, dengan adanya peralatan moden dan teknologi sendiri dan ditambah dengan kepakaran tok dalang dengan dibantu perkembangan yang semakin moden, wayang kulit sudah boleh dipersembahkan pada bila-bila masa dan agak mudah untuk menghubungi individu yang mempersembahkan wayang kulit.

"Wayang kulit sudah wujud sejak 800 tahun lalu. Budaya ini patut dikekalkan bagi memupuk semangat cintakan kebudayaan sendiri, lebih-lebih lagi, jika ia diperkenalkan kepada generasi muda. Ia sekali gus mempromosikan usaha penggiat seni wayang kulit dan memberi semangat kepada mereka untuk mengekalkan penglibatan dalam kesenian unik ini. Wayang kulit sudah mengalami perubahan dan masih relevan untuk dipersembahkan kepada masyarakat hari ini"

Ibrahim Ariff (2021)

#### **2.4.3. Wayang Kulit, Seni Warisan Yang Hampir Lenyap. Mampukah Tok Dalang Dari Kelantan Ni Sambung Legasi?**

Keratan akhbar ini memberitakan keindahan wayang kulit yang membuatkan insan berbangsa cina ini menceburい bidang seni ini lebih 40 tahun yang lalu. Keindahan seni wayang kulit membuatkan Pak Cu atau nama sebenarnya Eyo Hock Seng menceburい bidang seni ini lebih 40 tahun yang lalu dan menjadi satu-satunya tok dalang yang berbangsa Cina di Kelantan. Namun individu ini yang dikenali sebagai Pak Cu ini kecewa dan sedih apabila wayang kulit mula kehilangan penonton dan generasi muda kini sudah mula menunjukkan tidak meminati untuk mewarisi bakat seni itu.

Menurut Eyo Hock Seng, selama beliau menjadi Tok Dalang dan memainkan wayang kulit ini, beliau merasa dukacita kerana bilangan penonton yang menonton wayang kulit Kelantan semakin menurun. Minat Pak Cu dalam wayang kulit Kelantan ini jelas terlihat akan kegiatannya yang membuat beberapa patung wayang kulit dan mengajarnya bermain gendang kepada cucunya yang berusia 6 tahun.



Gambar menunjukkan Pak Cu sedang membuat patung wayang kulit

#### 2.4. KESIMPULAN

Dapat dibuat kesimpulan di sini bahawa segala bahan-bahan dan rujukan ilmiah berkenaan warisan wayang kulit ini mudah didapati namun apabila rujukan mengenai dalang terutama rujukan maklumat mengenai dalang muda sukar dicari dan diperolehi. Akan tetapi, kandungan dan isi maklumat bahan bercetak dan digital yang dikaji pengkaji merupakan bahan-bahan yang terhad dan sukar bagi mendapatkan kandungan yang penuh dan lengkap sepenuhnya. Isi dan maklumat yang terdapat di bab 2 ini banyak didapati sumber dan maklumat ilmiahnya dari pencarian buku ilmiah dan kandungan manuskrip di perpustakaan, dari hasil dapatan temu bual tokoh atau golongan yang sudah mahir dan sebatи dengan permainan wayang kulit ini. Tidak lupa juga dari segi pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji mengenai warisan wayang kulit yang semestinya pengkaji mengambil penting dari semua aspek bagi mendapatkan ketulenan dan juga ketepatan yang cukup untuk kajian ini.

Oleh yang demikian, amat jelaslah bahawa kajian di bab 2 ini merupakan penerus dan kesinambungan daripada kajian ini bagi ia sebagai platform untuk menyediakan maklumat berkenaan prospek mengenai wayang kulit Kelantan dalam konteks kaedah pedalang muda di dalam persembahan terulung ini dalam skop yang lebih luas, menyeluruh dan lengkap.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0. PENGENALAN

Dalam bab ini pengkaji mengemukakan kaedah metodologi kajian. Dalam bab ini menerangkan serba sedikit mengenai cara pemperolehan dan cara bagaimana melakukan kaedah bagi mendapatkan maklumat untuk kegunaan penulisan tesis ini. Menurut Othman (2001), metodologi sebagai medan panduan yang efisien dan tersusun dalam mendapat maklumat di samping sebagai pendekatan kajian berdasarkan jumlah statistik dan data untuk menjamin pencapaian kajian dapat digapai secara baik dan teratur. Menurut Ruhizan Mohammad Yasin et.al (2001), statistik yang tepat dan sahih kebenaran didapati oleh sesuatu sumber daripada kajian yang diperoleh berdasarkan reka bentuk kajian yang bertepatan dan sesuai dengan kajian yang ingin dikaji dan juga cara yang diaplikasikan adalah proses bagi mendapatkan jumlah statistik dan data penyelidikan.

Seseorang pengkaji seperti yang lain akan mencari keberkaitan antara sesuatu perkara dengan perkara yang lain seperti mengambil kira faktor-faktor yang sesuai akan perkara dan

instrument yang sesuai dengan perkara yang dikaji oleh penyelidik. sebelum proses untuk melakukan kajian, metodologi merupakan salah satu aspek penting yang menentukan di mana dapat merealisasikan sesautu kajain agar dapat dibuat sesuai dengan apa yang diinginkan. Dalam hal ini, metodologi kajian yang dipilih merupakan kaedah yang dapat menentukan bagaimana pengkaji meraih, mendapatkan dan memerihalkan data dan statistik yang diraih.

Oleh yang demikian, kaedah kajian yang saya pilih untuk melakukan kajian saya ini adalah kaedah kualitatif. Menurut Taylor (1984) kaedah kualitatif ini adalah termasuk berbentuk lontaran pengucapan kata-kata lisan atau karangan berkenaan perihal seperti tingkah laku manusia yang dapat dihayati. Data kualitatif terhasil daripada tiga jenis iaitu melalui hasil pemerhatian, hasil penyampaian dan komunikasi dua hala atau temubual dan juga daripada sumber-sumber bertulis seperti jurnal dan buku.

### **3.1. REKA BENTUK KAJIAN**

Dalam sesebuah kajian yang dikaji dan dilaksanakan, perlu adanya reka bentuk kajian yang dibuat bagi mendapatkan kajian yang baik dan sistematik. Oleh yang demikian, dua reka bentuk kajian yang menjadi pilihan bagi membuat sesebuah diskripsi kajian tersebut. Reka bentuk kajian yang menjadi pilihan itu amat mustahak bagi mendapatkan kualiti dan piawaian yang dikehendaki dalam sesebuah kajian dapat dicapai.

Dalam bab ini pengkaji melakukan reka bentuk kajian yang digunakan ketika membuat kajian. Aspek-aspek yang dibahaskan meliputi reka bentuk kajian, instrumen kajian dan persampelan

kajian. Secara umum kaedah utama penyelidikan untuk mendapatkan data terbahagi kepada dua, iaitu dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif.

### **3.1.1. Kaedah Kuantitatif**

Kajian kuantitatif adalah satu daripada reka bentuk kajian secara sinonimnya menggunakan aplikasi instrumen sumber data-data yang dikeluarkan oleh sebuah agensi atau organisasi yang dipercayai dan juga menggunakan analisis statistik, anggaran peratusan dan lain-lain. Ia lebih ke arah objektif dan berdasarkan kepada hasil bilangan dapatan kajian yang dilakukan. Ia ditakrifkan dengan istilah “kuantiti” yang ertiannya bilangan berganda dan bersifat keangkaan dan data bernombor. Kuantiti adalah juga membawa maksud hasil kajian berdasarkan kenyataan data angka yang menjelaskan dapatan yang diperoleh dan seterusnya dapat membuat rumusan dari hasil statistik dan data yang diperoleh. Melalui kaedah kuantitatif ini, permasalahan kajian ditafsirkan dalam bentuk boleh ubah.

Kajian kuantitatif mempunyai 2 jenis iaitu kajian intervensi dan kajian non-intervensi. Bagi kajian intervensi, rekabentuk kajian yang bersesuaian adalah kajian eksperimen, manakala kajian non-intervensi pula adalah melalui tinjauan dan korelasi iaitu menjangkakan

atau meramalkan sesuatu pemboleubah atau hipotesis dengan disokong oleh data-data dan statistik yang diraih. Menurut John W. Cresswell (2008), kajian kuantitatif adalah jenis penyelidikan di mana pengkaji memutuskan apa yang ingin dikaji, memberi soalan

berdasarkan kajian yang dilakukan, mengecilkan skop soalan, mengumpul data yang boleh dikuantitatifkan daripada responden, menganalisis data dan statistik nombor dan angka dan juga menjalankan inkuiri dalam bentuk yang objektif.

### **3.1.2. Kaedah Kualitatif**

Kaedah merupakan cara atau jalan menyelesaikan permasalahan penyelidikan. Menurut Mahdzan 1995, ‘Kaedah penyelidikan merupakan segala langkah yang diambil untuk mencapai segala objektif penyelidikan’. Kaedah kualitatif adalah suatu proses kaedah penyelidikan yang dibuat bersandarkan akan model secara kualitatif, berpandukan strategi dan mempunyai lonjakan paradigm bagi memantapkan kajian yang diselidik. Pendekatan kualitatif ialah prosedur penyelidikan yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati (Lexy, 2007), tradisi tertentu dalam ilmu pengetahuan sosial yang secara fundamental bergantung

kepada pengamatan manusia dalam kawasannya sendiri dan berkait dengan orang-orang tersebut dalam bahasa dan peristilahannya (Kirk & Miller, 1986).

Pendekatan kualitatif dalam penyelidikan ini adalah kajian kes, adalah suatu penyelidikan yang dilakukan terhadap suatu kesatuan sistem, sama ada yang berbentuk program mahupun kejadian yang terikat oleh tempat, waktu atau ikatan tertentu (Nana, 2005). Kajian kes dilaksanakan untuk menghimpun data, memperoleh makna, dan memperoleh pemahaman daripada suatu kes. Proses pengumpulan data berdasarkan Cresswell (1998) iaitu mengenalpasti tapak atau individu, mendapatkan akses dan membina rekod, persampelan bertujuan, mengumpul data, merekod maklumat, menyelesaikan isu-isu lapangan dan menyimpan data.

Kaedah kualitatif pula menggunakan kaedah interpretif, penghuraian, kajian lapangan, kajian sejarah, kajian kes, data verbal dan triangulasi data. Kaedah kualitatif juga mengamalkan konsep makna, eseи, pemahaman, pembentukan fenomena, konteks dan triangulasi. Kaedah kualitatif pula cenderung kearah bidang antropologi, kemasyarakatan, linguistic, sosiologi dan sejarah. Ia juga membina tujuan untuk melengkapkan teori, meningkatkan kefahaman, menghuraikan kenyataan, menyatakan kejadian semulajadi dan menerangkan kejadian secara verbal. Kaedah kualitatif biasanya menggunakan kaedah seperti pemerhatian, temubual tidak berstruktur, rujukan maklumat dokumentasi dan kajian kes.

### 3.2. KADEAH KAJIAN

Bahagian ini akan menerangkan bagaimana cara dan proses pengumpulan data dan maklumat yang ingin dimasukkan ke dalam penulisan kajian ini. Ia penting demi menghasilkan penulisan sempurna dan lengkap.

#### a) Analisis Kajian

Analisis kajian lebih ke arah satu bentuk bagi mengehadkan dan menunjukkan data dan langkah statistik. Tujuannya bagi menunjukkan data kepada bentuk yang lebih baik, penkaji juga perlu melakukan sesuatu akan data tersebut. Analisis data penyelidikan yang telah didapati dan diraih juga adalah salah satu bagi memproseskan data sebegitu. Ia bagi

agar dapat dianalisis dan difahami. Proses yang disebut analisis data dan juga dikenali sebagai proses pra-analisis iaitu peringkat awal yang mempunyai tahap dan proses seperti menukar maklumat data. Pemekaran memboleh ubah, penghantaran kod data, proses penyemakan kesalahan, menaudit struktur data dan taburannya.

### b) Kajian Instrumen

Secara keseluruhannya, instrumen kajian ditakrifkan sebagai apa jua alat, atau cara atau apa jua kaedah atau cara bagi mendapatkan atau meraih akan perihal data dan statistik kajian. Dalam bidang sukan misalnya, instrument digunakan bagi mengukur pencapaian dan prestasi atlet, perkembangan dan potensi ke peringkat lebih tinggi, keberhasilan semasa latihan dan pencapaian sesuatu atlet di sesebuah kejohanan yang disertainya itu.

### 3.3. PEMERHATIAN

Kaedah pemerhatian adalah salah satu kaedah metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam menyiapkan tugas penulisan tesis ini. Ia merangkumi kepada dua jenis iaitu pemerhatian secara terus (Direct observation) dan Pemerhatian melalui penglibatan (Participant-observation). Kaedah pemerhatian secara terus ini merupakan kaedah pemerhatian yang

melibatkan pemerhatian secara langsung misalnya pengiraan jumlah pelajar yang di sebuah sekolah. Teknik ini sinonimnya tidak melibatkan percakapan atau komunikasi secara terus dengan manusia. Kaedah pemerhatian melalui penglibatan pula berasal dari bidang antropologi (kajian tentang kehidupan masyarakat).

Oleh yang demikian, melalui pemerhatian saya sendiri membuat pemerhatian secara terus iaitu melalui rujukan daripada tokoh-tokoh yang mahir dalam persembahan wayang

kulit dan juga saya juga sendiri melibatkan diri dalam persesembahan wayang kulit dengan menyertai beberapa seminar dan bengkel wayang kulit yang dianjurkan oleh tempat saya menuntut ilmu. Saya sendiri membuat pemerhatian dengan melihat dan menonton sendiri persesembahan wayang kulit yang dimainkan sendiri oleh tokoh atau tok dalang yang lebih pengalaman dan sudah lama bermain wayang kulit sejak mereka kecil lagi. Saya juga seringkali menonton dan menyaksikan persesembahan wayang kulit secara langsung atau terus mahupun juga secara dalam bentuk rakaman atau video yang banyak di laman youtube.

### **3.4.TEMU BUAL**

Maklumat kajian juga didapati bahawa melalui kaedah temubual sedikit sebanyak intipati maklumat kajian yang dilakukan, ketetapan maklumat yang dapat dimasukkan di dalam laporan kajian serta maklumat-maklumat tambahan yang diperlukan. Kaedah berkenaan dilakukan untuk seseorang yang tidak dapat meluangkan masa dan memberikan komitmen untuk melakukan soal selidik. Temubual berstruktur adalah kaedah yang terbaik bagi soalan terbuka dan mendapatkan maklumat responden secara terperinci.

### 3.5.SUMBER RUJUKAN

Kajian tersebut mengunapakai kaedah metodologi pustaka iaitu kaedah perpustakaan. Ia merujuk dengan mengaplikasikan sumber rujukan ilmiah dari perpustakaan dan sumber dari buku, jurnal, majalah dan bahan ilmiah yang lain. Kaedah metodologi berkenaan lebih kondusif lengkap dan mudah di samping ia tidak memerlukan perbelanjaan yang besar menjimatkan kos dan masa. Walau bagaimanapun, cara ini adalah terbatas dan mempunyai nilai hadnya dari segi pemperolehan maklumat dan info yang bersesuaian dan dikaitkan dengan tajuk kajian kerana kajian ini hanya bergantung dengan bahan-bahan rujukan di perpustakaan dan sumber ilmiah sahaja tanpa melihat sendiri melalui pemerhatian yang dilakukan ketika membuat kajian. Akan tetapi, kajian metodologi lebih sesuai dan ramai

pengkaji menggunakan semasa membuat penulisan tesis kerana ia lebih sesuai dan masih relevan. Pengkaji telah mencari pelbagai rujukan ini di beberapa perpustakaan. Antaranya adalah perpustakaan universiti Malaysia Kelantan. Selain itu, pengkaji juga mencari bahan ilmiah hingga ke perpustakaan negeri Kelantan di Daerah Kota Bharu.

#### 3.5.1. Kaedah Perpustakaan

Rujukan perpustakaan ini, saya menelah bahan-bahan dan info yang ada kaitan akan tajuk yang saya kaji menjadikannya sebagai sumber dan bahan yang boleh dijadikan sebagai sokongan dan menguatkan lagi maklumat dan fakta yang saya keluarkan oleh saya. Kaedah berkenaan adalah antara kaedah primer yang saya aplikasikan sebagai panduan dan medan

bagi saya memastikan kerja-kerja bagi memperoleh bahan kajian seperti fakta dan info maklumat dapat diraih secara mudah dan cepat. Ia juga memastikan maklumat yang didapati adalah secara terus daripada bahan rujukan secara terus dari perpustakaan dan juga memastikan kajian dapat berjalan mengikut apa yang dikehendaki. Dalam konteks kajian ini, kaedah ini membolehkan data primer bagi sumber mengenai kebudayaan wayang kulit dapat dirangka terus secara konseptual iaitu mengikut teori dan dalam kerangka konsep dan falsafah yang ada dalam perseimbahan wayang kulit.

### **3.5.2. Kajian Ilmiah**

Kajian ilmiah banyak mendorong saya bagi memperoleh info dan maklumat penting dalam membantu mendapatkan maklumat berkenaan sorotan kajian lepas. Kajian ilmiah juga memberi saya panduan akan mencari maklumat di dalamnya secara mendalam dan terperinci. Isi-isi dan penerangan yang lebih lanjut diuraikan dalam bahagian bab 2 iaitu menerangkan menerusi Sorotan Kajian Lepas.

### **3.5.3. Sumber Internet Dan Laman Web**

Kajian yang saya kaji juga saya mendapatkan segala info dan maklumat mengenai warisan wayang kulit ini melalui medium dari sumber-sumber maya seperti daripada

sumber internet dan juga laman web. Kebanyakan sumber maklumat yang terdapat laman sesawang dan juga internet ini terdiri daripada kajian ilmiah yang terdahulu, penulisan artikel, penulisan blog oleh para blogger dan juga ada berbentuk jurnal, majalah digital dan juga berbentuk keratan akhbar dan berita yang telah disunting keratannya.

### **3.6.KESIMPULAN**

Secara tuntasnya, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa persembahan wayang kulit ini sememangnya penting dan wajar dilakukan bagi menyambung legasi tradisi warisan tanah air kita ini. Hal tersebut kerana usaha-usaha daripada semua pihak agar warisan wayang kulit Kelantan ini yang sinonim di negeri cik siti wan kembang ini terus menerus dapat dikenalkan dan dipertahankan.

Pelbagai ikhtiar dan usaha yang sebenarnya dibuat dalam menjadikan warisan wayang kulit Kelantan ini menjadi fenomena dan menjadi medium hiburan dalam kalangan rakyat khususnya golongan muda di negeri tersebut. Ia juga dalam usaha bagi pengekalan keaslian warisan wayang kulit Kelantan tanpa adanya campur aduk dan dipengaruhi dengan pengaruh luaran. Cara-cara sebegini perlu kita lakukan agar peninggalan warisan ini dapat terus diketahui oleh generasi yang mendatang supaya mereka mengetahui akan susur galur dan asal usul budaya yang sebenarnya yang ditinggalkan oleh mereka yang terdahulu.

Selain itu, cabaran juga antara satu prospek yang tidak boleh diketepikan yang perlu kita peka dalam mengekalkan budaya dan persembahan wayang kulit Kelantan ini. Cabaran yang ada ini seharusnya perlu mencari jalan penyelesaian sesuai akan dengan status sebagai warisan terulung dan menjadi ikon dan sinonim sendiri dengan negeri Kelantan. Akan tetapi mungkin kerana sebahagian daripada kita kurang upaya akan mewujudkan minat di kalangan orang muda dan siapa lagi yang ingin menjadi prospek untuk meneruskan legasi terulung ini kalau bukan golongan belia dan muda ini yang tidak meneruskan warisan ini.

Di samping itu, pelbagai kaedah boleh diadaptasikan sebagai usaha bagi menerangkan keistimewaan dan perkara apa yang menarik dalam persembahan wayang kulit ketika dipersembahkan. Masyarakat secara umumnya masih lagi tidak mengetahui dan alpa dalam era kemodenan ini dan disebabkan itu perlu adanya pendedahan akan seni budaya kita yang masih jauh akan keunikan yang daya tarikannya. Perkara berikut dapat menimbulkan akan rasa minat dan perasaan ingin tahu terhadap warisan terulung ini.

Secara tuntasnya, diingatkan bahawa tiada apa yang dapat manafikan kajian terhadap persembahan wayang kulit Kelantan mengikut kaedah pendalang muda di daerah bachok sangat dialu-alukan akan pembikinan kajiannya dan juga perlu diberi perhatian yang serius. Ia bukan sahaja dapat digunakan oleh orang perseorangan malah dapat dimanfaatkan dalam konteks masyarakat secara keseluruhannya agar warisan ini tidak terus terpinggir dan ada generasi penerus yang menghidupkan warisan ini.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0. PENGENALAN

Bab 4 akan menghuraikan segala bentuk olahan dengan mendiskripsikan dalam bentuk yang dapat diterangkan secara lebih lanjut dengan senang. Konsep diskripsi adalah suatu konsep di mana pengkaji akan menggunakan kaedah temu bual dan mencari maklumat berkaitan dengan merujuk di bahan ilmiah yang terdapat pusat sumber, melalui orang perseorangan dan melalui

kaedah pemerhatian melalui persembahan, permainan dan lain-lain. Kaedah ini telah diterangkan dengan lebih lanjut dalam bab 3: kaedah kajian. Bab ini mencakupi semua maklumat kajian yang telah diselusuri seperti yang telah diulas dalam bab 2: sorotan kajian

lepas. Kaedah temu bual adalah pengkaji sendiri menemu bual dan bertanyakan secara langsung tokoh dan pengiat yang berpengalaman dan mahir dalam kaedah pedalang muda dalam persembahan wayang kulit.

#### **4.1. Analisis Temu Bual**

##### **4.1.1. Profil Biodata Tokoh**

Biodata tokoh;

Nama: Mohd Noor Bin Arifin (Pakju)

Alamat: Kampung Alor Ganu, Jelawat, Bachok Kelantan

Umur: 52 tahun

Berikut adalah soalan yang telah dikemukakan kepada Encik Mohd Noor, beliau telah menjawab secara menyeluruh seperti mana yang telah dijelaskan dalam sub-bab berikut.

Soalan:

- (i) Bolehkah Encik Noor ceritakan pengalaman pokju dari awal pembabitan pokju hingga ke saat ini dalam persembahan wayang kulit mengikut kaedah pedalang muda?
- (ii) Bolehkah Encik Noor jelaskan secara ringkas sumber rujukan dan tauladan yang bagaimanakah pokju boleh meminati dan seterusnya mencebur dan memainkan kaedah pedalang muda dalam persembahan wayang kulit?
- (iii) Pada pandangan Encik Noor, sejauh mana penglibatan anak muda dalam mengenali persembahan wayang kulit secara umumnya dan bagaimana untuk golongan muda ini untuk menjadi penyambung legasi dalam persembahan wayang kulit mengikut kaedah pedalang muda?
- iv) Bagaimanakah persembahan wayang kulit mengikut kaedah pedalang muda dimainkan?
- v) Bagaimanakah usaha bagi warisan wayang kulit mengikut kaedah pedalang muda ini dapat dikembangkan dan diperluaskan?
- vi) Apakah harapan dan nasihat Encik Noor terhadap persembahan warisan ternilai ini?
- vii) Apa alat muzik yg digunakan semasa persembahan wayang kulit mengikut pedalang muda dimainkan?

- viii) Berapa banyak lagu dan lagu apa yang dimainkan semasa persembahan wayang kulit mengikut pedalang muda dimainkan?
- ix) Berapa lama Encik Noor mengambil masa untuk mahir dalam persembahan wayang kulit?
- x) Apa petua yg Encik Noor gunakan dalam memainkan sesuatu persembahan wayang kulit mengikut pedalang muda?
- xi) Apakah tatacara dan upacara yang perlu dilalui sebelum persembahan wayang kulit mengikut kaedah pedalang muda dimainkan?

#### **4.1.2. Ulasan jawapan daripada temu bual**

Melalui temu bual ini pengkaji telah mengajukan beberapa soalan yang berkaitan dengan objektif kajian. Encik Noor yang telah lebih 18 tahun bergiat aktif dalam seni persembahan wayang kulit dan selalu bermain wayang kulit pedalang muda. Beliau ada memberitahu bahawa seni persembahan wayang kulit pedalang muda merupakan salah satu upacara selepas upacara buka panggung atau dikenali sebagai upacara bertabuh dan sebelum dijalankannya pedalang tua. Menurut beliau lagi, persembahan wayang kulit mengikut pedalang muda mempunyai ciri dan keunikan yang tersendiri berbanding dengan upacara dan komponen yang ada di dalam struktur dan rentak irama dalam wayang kulit secara umumnya. Antara susun masa atur di dalam persembahan wayang kulit mengikut pedalang muda adalah seperti berikut:

Encik Noor menjelaskan yang sebelum persembahan wayang kulit ini dinainkan, alat muzik haruslah lengkap untuk dimainkan seperti serunai, gedombak anak dan ibu, geduk, canang, kesi, gong, gendang dan sebagainya. Sebelum memulai sesuatu persembahan wayang kulit, akan ada yang dipanggil upacara buka panggung atau dipanggil sebagai upacara bertabuh. Upacara bertabuh ini dibuat sebagai pembukaan sebelum memulakan persembahan wayang kulit. perkara tersebut dibuat bagi menjadi pembuka cerita sebelum upacara dalang muda dibuat. Oleh yang demikian, sebelum memulakan persembahan wayang kulit terdapat perkara yang tidak boleh dilakukan oleh dalang sebelum memulakan upacara dalam persembahan wayang kulit. Dalang muda tiada watak yang khusus namun begitu terdapat dua

buah lagu sahaja menadai proses upacara dalang muda. alat muzik yang digunakan sama seperti upacara dalang tua.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 4.2. Cara Persembahan Wayang Kulit Dengan Kaedah Pendalang Muda Dipersembahkan

Pembahagian Jenis Cerita Dalam Wayang Kulit Kelantan adalah mengikut susun atur yang sudah ditetapkan sejak dahulu lagi. Menurut Encik Noor lagi, pembahagian jenis cerita dalam wayang kulit Kelantan ada beberapa jenis iaitu:

1. Cerita pokok - Bermula dari hikayat Maharajawana, kesah Sri Rama memperisterikan Siti Dewi, Siti Dewi di culik oleh Maharajawana, Sri Rama berjaya mengalahkan Maharajawana dan mengambil balik Siti Dewi.
2. Cerita Ranting - Berdasar kepada cerita pokok yang di atas tetapi terkeluar dari jalan ceritanya, seperti cerita Anak Kerbau Hamuk.
3. Cerita Taggaman - Bagi dalang yang pandai, ia dapat mereka cerita2 yang di beri watak utamakan kepada Sri Rama, tetapi cerita tersebut bukan terdapat di dalam hikayat Sri Rama pun, sebagai contohnya seperti cerita burung ketitir kuning, ikan permata sisek tersona, wak long jadi raja dan bermacam2 lagi.
4. ketiga2 jenis cerita di atas, ianya di ambil dari hikayat melayu lama dan hikayat yang mempunyai pengaruh arab dan sebagainya. Sebagai contohnya ialah hikayat Hang Tuah, Hikayat Ahmad dan Muhammad, Kuda Hijau Baitulkafrah, Syah Kobat dan lain lagi.
5. Cerita Pinjaman - Cerita ini termasuk dalam cerita saduran tetapi lebih menjurus kepada cerita2 panji (Inu kertapati) yang terdapat dalam wayang melayu tetapi di mainkan dalam wayang kelantan. Dengan menggunakan patung Sri Rama tetapi nama watak jelmaannya

ialah di pakai ama watak wayang melayu. Sebagai contoh Misa iling mercu jiwa, Sri Panji Angga digunung, Misa lara pati, Misa lara sari, Aria demang semangkok dan lain-lain.

Pembahagian Dalam Pertunjukan Wayang Kulit Kelantan dimulai oleh upacara bertabuh iaitu permulaan daripada persembahan wayang kulit Kelantan. Ia disusuli oleh upacara babak cerita dalang muda. Dalam babak dalang muda, ada beberapa amalan dan lagu yang dimainkan dalam persembahan babak dalang muda. Antara lagu dalam babak dalang muda adalah seperti berikut:

- Lagu bertabuh
- Lagu lenggang beringin/tok mahasiko
- Lagu perang dewa panah
- Lagu Sri Rama keluar (gedombak)
- Lagu hulubalang
- Lagu menyembah (mengadap raja)
- Lagu Sri Rama berkabar
- Lagu Berjalan (masuk anjung)

Dalam babak dalang tua pula, ada pula lagu dimainkan seperti lagu tukar dalang dan lagu-lagu lain mengikut perjalanan cerita.

Tujuan Persembahan wayang kulit pedalang muda dimainkan disebabkan oleh kerana persembahan kerana belajar bermain wayang. Di samping itu juga ia boleh disebabkan oleh Bersemah iaitu acara ini biasanya dibuat oleh dalang yang sudah mempunyai ijazah perdalangan. Acara ini juga dipanggil sembah guru yang dibuat setiap satu atau tiga tahun sekali. Ia juga bertujuan sebagai melepas niat dibuat sebagai Persembahan yang selalunya atas jemputan tertentu untuk mereka yg telah berniat akan mengadakan persembahan wayang kulit sekiranya mendapat sesuatu kurnia'an atau terlepas dari musibah. Selepas itu, ia juga bertujuan sebagai memenuhi Undangan khusus. Ia sebagai persembahan bagi acara-acara keramaian, hari jadi, perayaan, seminar dan sebagainya. Kebanyakan wayang kulit dipersembahkan disebabkan oleh pertunjukan sendiri iaitu bagi mengadakan persembahan kerana sara hidup seperti mengenakan bayaran secara membeli tiket utk menonton.

Wayang Kulit Secara Umum terbahagi beberapa komponen seni persembahan. Antaranya adalah Seni Muzik, penceritaan berbentuk hikayat, bentuk gaya lakonan, pengetahuan agama dan seni ukir atau lukis. Kita ketahui seni muziknya amat unik dan memerlukan keahlian khusus. Lebih dari 35 buah lagu mesti di hafal oleh dalang dan panjaknya bagi sesuatu persembahan wayang kulit agar menjadi meriah dan lancar. Bagi meneruskan

penceritaan, dalang haruslah mahir dalam hikayat2 yang bersifat Paramakawi dan Paramasastra. Di samping itu juga, aspek lakunan dalang seharusnya pandai melakunkan cerita supaya menarik, pandai dalam membawa suasana gembira, takut, kasih sayang, sedih, garang dan lucu (Awicarita). Oleh kerana cerita yg di lakonkan mempunyai unsur2 pengajaran yg bercorak agama, maka Pengetahuan agama amat penting bagi diselitkan pada penceritaan wayang kulit. Kewibawaan dalang sangat dipelihara utuh dan menjadi tauladan

dan ikutan kepada masyarakat. Dari segi seni lukis atau ukir, kemahiran melukis dan memahat atau menatah patung wayang adalah satu kesenian khusus yang mempunyai kemahiran dan kesabaran yg tinggi. Oleh yang demikian, wajarlah tak terkata seni wayang kulit memerlukan pedalang dan anak buahnya mempunyai lebih daripada satu kemahiran dalam seni.

Menurut Encik Noor lagi, cerita wayang kulit kelantan kebanyakannya adalah saduran dari epik ramayana versi thai. Seorang dalang perempuan berbangsa thai bernama mak eghak adalah di anggap orang yang pertama mendalang dalam wayang jenis ini di kelantan. Patung2 wayangnya juga terutama patung Sri Rama dan Laksemana adalah lebih mirip ke arah pakaian tradisional orang selatan thai. Itulah juga makanya wayang tersebut di sebut sebagai wayang siam.

Alat2 muzik yang digunakan dalam permainan wayang kulit kelantan ini adalah seperti berikut:

- Tetawak (gong) 2 biji (ibu dan anak)
- Canang 1 pasang (ibu dan anak)
- Kesi 2 pasang (penahan dan pengicah)
- Gedang 2 biji (ibu dan anak)
- Geduk 2 biji (ibu dan anak)
- Gedombak 2 biji (Peningkah dan pembawa)
- Mong 1 biji (Sebagai alat tambahan sahaja, bagaimana pun mustahak)

juga jika dikehendaki memainkan lagu2 tertentu).

- Serunai                    2 batang (Serunai besar dan serunai nyanyi)
- Pemetek                    1 buah (Alat ini digunakan sebagai mengganti suara perintah dalang dan sebagai alat bantu kesan bunyi).

#### **4.3. Penerimaan golongan muda kini terhadap wayang kulit khususnya penggunaan kaedah pedalang muda**

Pengkaji juga ada juga menanyakan soalan mengenai perkembangan persembahan pedalang muda dalam wayang kulit Kelantan kepada Encik Noor. Pengkaji menanyakan bagaimakah penglibatan mereka? Berapa ramaikah atau hanya sekadar jumlahnya mampu dikira melalui berapa kerat jari sahaja? Encik Noor menerangkan seperti berikut:

*Boleh dikatakan lingkungan 70% tiada orang muda yang berminat dengan persembahan wayang kulit Kelantan khususnya kaedah pedalang muda ini. Nak kata 80% mungkin terlampaui banyak, namun apa yang pokju rasa, ia memberi signal bahawa ramai anak-anak muda tidak begitu berminat dengan persembahan wayang kulit kaedah pedalang muda ini hanya sekadar menjadi penonton sahaja.*

Boleh dikatakan pada hari ini, penglibatan golongan separa usia lingkungan 40 tahun ke atas adalah lebih berkecimpung dan meminati untuk mendalami pedalang muda persembahan wayang kulit Kelantan. Tidak hanya dalam konteks kebudayaan melayu, malah

dalam kebudayaan siam dan cina itu sendiri, penglibatan orang muda etnik cina dan siam juga amat kurang dalam amalan budaya warisan mereka, seperti menorah dan tarian naga.

Puncanya kebarangkalian disebabkan oleh kurangnya insentif dari kerajaan seperti pemberian elaun, atau fasiliti lengkap terhadap usaha pemerkasaan amalan tradisional Kelantan khususnya persembahan wayang kulit Kelantan mengikut kaedah pedalang muda. Orang muda kini sudah berkarier, aktiviti berunsur budaya bebas dan trend zaman kini yang kian popular membantutkan aktiviti berunsur budaya untuk berkembang. Ia juga tidak mampu memberi jaminan dan memuaskan orang muda kini yang memerlukan jaminan kewangan yang kukuh. Maka, mereka memilih untuk meneruskan kerja atau karier yang menjanjikan pulangan habuan wang yang lumayan kepada mereka. Pada mereka, perkara-perkara sebegini dianggap tidak berbaloi dan menguntungkan, malah mereka tidak mampu bertahan hidup dalam menyara kehidupan yang serba sukar dan mencabar di masa kini.

#### **4.4. Idea Meningkatkan Nilai Warisan Wayang Kulit Khususnya Apabila Kaedah Pedalang Muda**

Persembahan wayang kulit Kelantan mempunyai beberapa ritual dan upacara bagi sebelum memulakan dan sesudah berlakunya persembahan wayang kulit tersebut. Daripada persoalan pertama yang saya tujukan kepada Encik Noor atau dikenali sebagai Pokju ini, beliau telah bermain secara aktif dan berterusan dalam persembahan wayang kulit pada tahun

2020 iaitu semasa perintah kawalan pergerakan dilaksanakan. Sebelum ini, beliau hanya menonton wayang kulit dan hanya fokus bermain main puteri sahaja.

***"Untuk pengetahuan semua, wayang kulit dahulu dimulakan dengan acara ritual seperti tabur beras, korban ayam, silat dan lain-lain.***

Pada masa yang sama, wayang kulit dahulu mempunyai tujuan tersendiri seperti menyembuhkan penyakit atau menghalau gangguan makhluk halus. Tetapi pada hari ini, wayang kulit sudah mengalami pemodenan dari segi tujuan dan cara persembahan dengan menghapuskan unsur-unsur supernatural. Sekarang, ia lebih kepada tujuan hiburan. Wayang kulit ini juga banyak dipromosikan oleh orang bukan Melayu.

***"Kalau dahulu, wayang kulit hanya dipерsembahkan pada waktu malam sahaja. Kini, dengan perkembangan yang semakin moden, wayang kulit sudah boleh dipерsembahkan pada bila-bila masa dan agak mudah untuk menghubungi individu yang mempersembahkan wayang kulit," kata beliau.***

Contohnya, terdapat Tok Dalang wayang Kulit berbangsa Cina di Kelantan yang giat mempromosikan kesenian tradisional Melayu ini. Penglibatan tanpa batasan itu merupakan satu petanda baik untuk mengembangkan lagi kesenian tersebut.

Selain itu, wayang kulit juga diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (Unesco) sebagai sebuah karya kebudayaan yang mengagumkan (Masterpiece of Oral and Intangible Heritage of Humanity) pada 7 November 2003. Oleh itu, kita wajar memainkan peranan untuk terus memajukan dan mempromosikan wayang kulit yang menjadi identiti orang Melayu.

Menurut Encik Noor Wayang kulit sudah wujud sejak 800 tahun lalu. Budaya ini patut dikekalkan bagi memupuk semangat cintakan kebudayaan sendiri, lebih-lebih lagi, jika ia diperkenalkan kepada generasi muda. Ia sekali gus mempromosikan usaha penggiat seni wayang kulit dan memberi semangat kepada mereka untuk mengekalkan penglibatan dalam kesenian unik ini. Wayang kulit sudah mengalami perubahan dan masih relevan untuk dipersembahkan kepada masyarakat hari ini".

Langkah pertama yang perlu dibuat bagi menjadikan warisan seni dan budaya wayang kulit pedalang muda masih relevan dalam masyarakat pada hari ini adalah menggunakan platform media massa untuk membuka kembali mata masyarakat yang hilang dibawa arus hiburan negara asing. Media sosial dan media massa kini yang semuanya di hujung jari sahaja memudahkan perkara sedemikian mudah diakses dan muda tersebar. Namun, usaha ini dilihat rumit kerana kebebasan sosial media yang menjadi asbab masyarakat kita menjadikan hiburan atau seni budaya asing untuk tatapan masing-masing. Maka, pihak berkuasa wajar mengambil kesempatan yang sama untuk menyajikan filem, drama, sketsa malah iklan berkaitan dengan seni dan budaya masyarakat khususnya wayang kulit pedalang muda kita di seluruh media massa.

Selain itu, Pihak berkuasa perlu perbanyakkan penganjuran aktiviti kemasyarakatan perlu diberikan kepada penggiat kesenian tanah air untuk membuktikannya peluang bagi mempersembahkan seni mereka khususnya penggiat seni warisan wayang kulit pedalang muda kepada orang ramai. Selain itu, penubuhan institusi seperti Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Sekolah Seni di seluruh negara pasti dapat menghasilkan generasi muda yang bakal menyambung legasi penggiat terdahulu. Usaha ini penting kerana kebanyakan penggiat yang duduk di luar bandar tidak mempunyai pengganti akibat kurang minat atau tekanan ekonomi.

Selepas itu, cara yang paling efektif bagi kekal relevan sesuatu perkara daripada ia musnah dan lebur adalah dengan memberikan insentif dan bantuan dari segi kemudahan, kemahiran, kewangan dan bantuan latihan yang secukupnya kepada penggiat warisan seni budaya kita khususnya dalam wayang kulit pedalang muda. Jika kita lihat, setiap tahun pasti ada bajet-bajet besar yang disalurkan untuk pembangunan negara. Kita tidak akan berasa rugi sekiranya peruntukan tersebut disalurkan kepada penggiat seni wayang kulit pedalang muda dalam corak yang berterusan.

#### **4.5. KESIMPULAN**

Dalam bab 4, adalah dapat dirumuskan bahawa hasil daripada kaji selidik terhadap kajian lepas yang dilakukan sebelum ini dan bedasarkan kaedah temu bual yang dilakukan dan kaji selidik telah membantu dalam melancarkan proses penyelidikan agar objektif kajian dapat dicapai seperti mana yang sudah pun disusun di awal kajian dahulu. Adalah perlu untuk bagi penyelidikan ini memenuhi segala bentuk objektif kajian yang telah diterangkan dalam bab 1.

Bab ini telah diterangkan dengan penelitian dan juga kaedah kajian yang digunakan, hasil kaji telah berjaya membantu menjawab semua persoalan yang berbangkit terhadap kajian ini dan memberikan lanjutan dan penerangan yang lengkap. Ia juga menyambung kesinambungan terhadap kajian yang akan dilakukan pada berikutnya.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 5

### ANALISIS PERBINCANGAN DAN KEUSAHAWANAN

#### 5.0. PENGENALAN

Bab ini akan menghuraikan secara signifikan dengan skop penjelasan yang lebih lengkap mengenai analisis dan perbincangan mengenai persembahan wayang kulit pedalang muda yang jarang diketahui umum. Dalam bab ini, pengkaji menyentuh berkenaan keusahawanan dalam konteks skop persembahan tradisional termasuk melakukan temu bual bagi mengetahui meklumat dan intipati proses yang berlaku.

Selain itu, bab ini akan menerangkan berkenaan perbahasan komponenn yang terdapat dalam persembahan wayang kulit pedalang muda. Pedalang muda adalah salah satu persembahan dalam komponen dan sebahagian daripada upacara wayang kulit Kelantan. Akan tetapi banyak berlakunya inovasi dan beberapa perubahan pada upacara dan alur cerita.

Ia bagi menepati citarasa kini mengikut peredaran masa dan zaman serta menarik minat orang muda menyaksikan dan bermain wayang kulit. Malah, dalam konteks isi cerita dan watak, masih mengikut watak yang terdahulu tetapi bentuk dan cara perceritaan diubah dan mengikut kreativiti tok dalang yang dipengaruhi trend dan persekitaran masa kini yang pelbagai ragam dan kreativitinya yang tersendiri. Ia perlu dilakukan disebabkan wayang kulit ini bukan sahaja sebagai persembahan semata-mata, akan tetapi boleh dijadikan sesuatu bentuk perniagaan dan ada unsur keusahawanan sebagai keusahawanan sosial atau keushawanan hiburan atau dalam isitlah inggerisnya “Entertainment Entrepreneur”.

Akhir sekali, seperti yang telah diterangkan sebelum ini, persembahan tradisional khususnya dalam pengkhususan kajian pengkaji ini, persembahan wayang kulit pedalang muda boleh dijadikan satu bentuk perniagaan yang menguntungkan dan tok dalang itu sendiri boleh menjadi usahawan yang berjaya dan boleh menjadi satu perniagaan menguntungkan. Bahkan, ia boleh menjadi sebahagian daripada perniagaan intra ekonomi, kesan tersebut boleh dirasai oleh sewaktu atau semasa persembahan wayang kulit mendapat sambutan dan dimainkan. Kupasan mengenai ini akan diterangkan secara lebih lanjut dalam baba ini agar dapat diketahui dalam konteks yang besar dan pengkhususannya dapat difokuskan. Dapat disimpulkan analisis temu bual daripada tokoh dan penggiat telah menjawab objektif dan persoalan kajian pengkaji dalam kajian ini iaitu Bagaimana cara persembahan wayang kulit dengan kaedah pendalang muda dipersembahkan, Sejauh mana penerimaan golongan muda di negeri Kelantan untuk mengekalkan minat terhadap wayang kulit kaedah pendalang muda, Apakah cara untuk meningkatkan nilai kebudayaan wayang kulit khususnya megaplikasikan kaedah pendalang muda ketika persembahan.

### 5.1. PERBINCANGAN DAN ANALISIS

Wayang kulit pedalang muda merupakan seni persembahan dalam konteks persembahan kebudayaan setempat, terutamanya masyarakat di Kelantan. Konteks ini meliputi aspirasi ragam yang lebih, termasuklah sudut budaya, migrasi, adat, sejarah serta pembikinan demi masa depan.

Secara ironinya, persembahan wayang kulit pedalang muda dapat diratifikasi kepada beberapa bahagian. Bahagian ini dibahagikan mengikut kaedah pelaksanaan sekitar yang jelas, masing-masing mempunyai cita rasa dengan kaedah dan bentuk persembahan yang berlainan cara dan cita rasa kreativitinya.

Konteks perbahasan akan menerangkan mengenai bagaimana persembahan wayang kulit kian berubah dari segi struktur perceritaan dan gaya penyampaian cerita yang dibawa oleh tok dalang masa kini mengikut kreativiti dan kemahiran tok dalang terbabit. Persembahan pedalang muda dalam wayang kulit kini mengalami suatu reformasi perceritaan yang amat signifikan. Hal tersebut dikuatkan lagi dengan usaha sesetengah penggiat seni milenia yang menerima arus perubahan kini mengikut cita rasa kini akan tetapi mahu mengekalkan keaslian dan alur cerita struktur yang asal. Akan tetapi ia masih disesuaikan dengan citarasa dan struktur perceritaan arus semasa.

Jika diselusuri, persembahan wayang kulit ketika dahulu mempunyai kelainan dan perbezaan dengan apa yang dapat ditonton hari ini. Perbezaan ini mungkin buka dari segi corak persembahan akan tetapi dari segi pelaksanaan dan susun atur perceritaan. Jika kita melihat unsur-unsur pada persembahan wayang kulit zaman ini tidak terdedah secara umum, sama ada tidak dibuat atau dilakukan tertutup untuk mengelakkan penyebaran kecaman berlaku.

Penelitian kita berkenaan wayang kulit pedalang muda secara tuntasnya tidak dapat lari daripada perkara-perkara mistik dan khurafat, hal inilah yang mendorong kepada sentuhan baharu dalam ritual dan upacara pedalang muda agar *tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas*. Demikian, maka transformasi dari konteks upacara dan ritual berunsur karut dan khurafat sedikit demi sedikit mula digantikan dengan pengamalan baharu yang lebih komprehensif dan tersusun dengan syariat dan patuh islam. Sesuai dengan keadaan sedemikian, jelaslah bahawa bentuk pemujaan berunsurkan tahuyl dan karut dapatlah dihindarkan agar kelangsungan kesenian akan berkekalan demi generasi akan datang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 5.2. KEUSAHAWANAN

Dalam sub topik ini, kajian ini akan menerangkan tajuk keusahawan yang mana akan menekankan tentang kewujudan bengkel berkenaan wayang kulit seperti bengkel membuat patung wayang kulit, bengkel menjadi tok dalang dan sebagainya. Topik memberi penekanan berkenaan kewujudan bengkel wayang kulit pedalang muda kepada masyarakat serta kesan ekonomi limpah terhadap komuniti sekitarnya.

### 5.2.1. Definisi Keusahawanan

Keusahawanan adalah perbuatan yang mewujudkan suatu perniagaan atau perniagaan semasa membina dan meningkatkannya untuk menjana keuntungan. Keusahawanan adalah aktiviti sebagai seorang usahawan, yang boleh ditakrifkan sebagai "yang menjalankan inovasi, kewangan dan perniagaan dalam usaha untuk mengubah dan menghasilkan satu inovasi pada barang dan perkhidmatan dalam ekonomi". Ini boleh menyebabkan pertubuhan-pertubuhan baru atau boleh menjadi sebahagian menggiatkan organisasi yang matang dalam respons kepada peluang yang dilihat. Bentuk yang paling jelas keusahawanan yang memulakan perniagaan baru (disebut sebagai Startup Company);

bagaimanapun, dalam tahun-tahun kebelakangan ini, istilah ini telah diperluaskan untuk meliputi bentuk aktiviti keusahawanan sosial dan politik. Apabila keusahawanan menjalankan aktiviti-aktiviti dalam organisasi firma besar ia dirujuk sebagai antara keusahawanan.

Menurut Histrich & Peter (1988), keusahawanan adalah suatu proses dinamik untuk mencipta dimana menanggung risiko besar didalam ‘equity’, masa dan komitmen kerjaya atau proses mencipta sesuatu yang baru dengan mengambil kira masa dan usaha dengan mengambil kira risiko kewangan, psikologi dan sosial serta menerima manfaat daripadanya.

Menurut Kuratko dan Hodgetts (2004), mendefinisikan keusahawanan sebagai suatu proses inovasi dan penciptaan melalui empat dimensi iaitu individu, organisasi, alam sekitar (environment) dan proses, dengan kerjasama rangkaian di dalam kerajaan, pendidikan dan kelembagaan (institution).

Menurut Kamus dewan, usahawan merupakan orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan, pengusaha, keusahawanan (segala-gala) yang berkaitan dengan usahawan atau kegiatan dan kemahiran usahawan. Usahawan perlu mencari kaedah-kaedah baru guna membantu mempercepat pembangunan dan pengurusan.

### 5.3. DEFINISI KEUSAHAWANAN SOSIAL

Usahawan sosial adalah individu yang mempunyai inovatif atau *innovatative solution* kepada masalah sosial yang sedang dihadapi oleh masyarakat berkenaan. Seorang usahawan adalah individu yang membuat pengembangan ekonomi dengan mencari cara baru atau cara yang lebih baik untuk melaksanakan sesuatu. Sama yang dapat dilihat kepada usahawan yang lain yang mencorak sesuatu dengan mengubah melalui kemahiran dan strategi perniagaannya. Usahawan sosial dilabel sebagai agen perubahan kepada komuniti.

Keunikan usahawan sosial adalah mereka memiliki dua ciri yang sama yakni memahami isu yang sedang dihadapi dan kedua mencari formula untuk menyelesaikan masalah sosial yang ada. Dalam konteks ini, perkara yang paling utama adalah mereka memang memiliki minat yang tinggi dalam isu yang ingin diselesaikan. Selain itu usahawan sosial juga perlu bijak merancang strategi seperti mendapatkan bantuan kewangan, dana, tenaga serta sokongan daripada pihak-pihak tertentu untuk mencapai matlamat.

Usahawan sosial mempunyai misi sosial. Kekayaan atau keuntungan bukan misi keusahawanan sosial. Di sebaliknya usahawan sosial akan lebih mementingkan penganugerahan dan pencapaian yang memberi impak sosialnya. Seorang usahawan sosial hanya menyampaikan idea secara hemah, mudah difahami, beretika dan memperoleh sokongan dari orang ramai bagi membolehkannya menggerakkan seramai mungkin orang ramai secara umum menerima dan melaksanakan ideanya.


Dalam erti yang lain, seorang usahawan sosial mestilah berupaya menyakinkan seramai mungkin tenaga agen perubahan tempatan bagi berusaha melaksanakan dan mencapai matlamat menagani isu-isu sosial dalam sesebuah komuniti masyarakat.

Dalam usaha pembangunan belia di Malaysia, kita dapati banyak pendekatan perlu diolah semula untuk menjadikan lebih inovatif, menarik dan pragmatik kepada situasi sekarang dan juga citra dari generasi muda dalam era globalisasi sekarang ini. Ada kalanya, kita sering mengulangi apa yang telah kita lakukan sejak bertahun-tahun tanpa banyak mempersoalkan keberkesanan pembangunan belia yang kita laksanakan. Pendekatan pembangunan belia melalui keusahawanan sosial akan lebih mantap kerana ia akan dibimbing dan dilaksanakan oleh usahawan sosial yang mempunyai ciri berikut

- Memilih misi untuk mewujud dan mengekalkan nilai sosial
- Mengiktiraf dan sentiasa mencari peluang baru untuk mencapai misinya
- Berterusan terlibat dalam proses inovasi, adopsi dan pembelajaran
- Melaksanakan secara berani tanpa had dengan sumber yang terhad dan sedia ada
- Menunjukkan bertangungjawab yang tinggi kepada mereka yang mendapat khidmatnya dan juga kepada pencapaian misinya
- Pelaksanaan program pembangunan belia memerlukan ciri-ciri input usahawan sosial

#### 5.4. STRATEGIK KEUSAHAWANAN

Terdapat 5 proses di dalam strategik keusahawanan adalah seperti berikut:



Tidak hanya terhad dalam penganjuran bengkel persembahan wayang kulit pedalang muda, malah ianya turut mewujudkan kesan ekonomi limpah kepada masyarakat setempat. Jika kita selusuri tiap kali persembahan wayang kulit pedalang muda dilaksanakan di tempat umum atau dilakukan di beberapa majlis formal dan apa juar festival dan karnival.

Masyarakat akan tertumpu kepada kawasan setempat, malah menunjukkan persembahan ini akan menarik orang ramai. Hal ini tidak pelik kerana jika kita lihat, memandangkan persembahan wayang kulit pedalang muda jarang dibuat dan jarang diketahui umum, orang ramai mengenali wayang kulit sahaja akan tetapi tidak ramai orang mengetahui akan kaedah pedalang muda dalam persembahan wayang kulit. Maka di perkara tersebut, akan ramai penonton hadir menyaksikannya.

Maka dalam perkara tersebut jelaslah bahawa perniagaan sipian atau selingan daripada cabang induk perniagaan besar akan wujud hasil daripada kegiatan dan aktiviti wayang kulit yang dibuat secara setempat di sekitar kawasan komuniti penduduk. Hal ini dijelaskan secara ekonomi limpah, di mana tempat yang mana adanya persembahan wayang kulit pedalang muda, maka perniagaan setempat di sekitarnya akan wujud di kawasan berkenaan.

## 5.5. MAKLUM BALAS DARIPADA PENGGUNA

Aktiviti saluran perniagaan seperti promosi juga dan juga publisiti dari tokoh dan figura dalam wayang kulit yang pengkaji selidik, ia telah melalui beberapa kaedah seperti temu bual oleh pengusaha yang mengerjakan wayang kulit secara komersial. Melalui proses tersebut, jelaslah bahawa wujudnya kesedaran dalam kalangan masyarakat dan perlunya promosi dibuat bagi satu permulaan. Ia dilakukan bagi menanam minat dalam hati masyarakat mengenai pelaksanaan persesembahan wayang kulit pedalang muda. Pihak pengurusan perlu menggembungkan usaha dengan berperanan memberi permulaan awal akan pendedahan kepada pelajar sekolah dan komuniti sekitar.

Selain itu, perlu memberi sasaran golongan yang tertentu seperti pelajar sekolah dan pelajar IPT. Ia perlu dimanfaatkan bagi mendidik mereka mengenali budaya dan kesenian yang penting yang kian terancam. Dengan diadakan bengkel, ia sedikit sebanyak mampu merangsang kemauan anak muda khususnya di kalangan pelajar sekolah dan IPT.

## 5.6. KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa keusahawanan ia menjadi pemangkin kepada perubahan dan perkembangan ekonomi. Ia juga melibatkan perubahan kepada struktur perniagaan dan masyarakat. Aktiviti inovasi juga menjadi pendorong melalui pengalaman atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh masyarakat sekarang. Keusahawanan melalui proses kreativiti dan inovasi mencipta produk baru dan memberikan perkhidmatan untuk memenuhi kehendak manusia.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 6

### CADANGAN DAN KESIMPULAN

#### 6.0. PENGENALAN

Pengkaji akan menghuraikan cadangan dan kesimpulan untuk kajian yang telah dibuat.

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan cadangan dari beberapa aspek seperti dari aspek perseorangan, masyarakat, institusi dan negara bagi menambah baik berkenaan dengan tajuk kajian yang dilakukan. Selain cadangan terhadapa kajian yang dikaji, pengkaji harus membuat penilaian akhir dengan menyimpulkan segala awal kajian hingga dapatan kajian terhadap tajuk kajian iaitu Kajian Terhadap Persembahan Wayang Kulit Pedalang Muda Di Daerah Bachok.

## 6.1. CADANGAN

Setelah menghasilkan dapatan kajian, pengkaji akan menghasilkan cadangan bagi meningkatkan lagi kesenian wayang kulit pedalang muda terhadap golongan muda kini. Pengkaji akan menerangkan cadangan yang dirangka melalui beberapa aspek. Antaranya dari segi individu, masyarakat, institusi atau pertubuhan, keusahawanan atau komersial, agama dan negara.

Antara cadangan yang telah dirangka oleh pengkaji dari segi individu adalah pengkaji berfikiran bahawa pengamal atau pemain wayang kulit pedalang muda atau kumpulan yang dibentuk secara satu pasukan kumpulan perlu mengambil insiatif dengan memberi tunjuk ajar atau menerapkan secara praktikal ilmu pedalang muda dalam wayang kulit kepada generasi yang berminat untuk mempelajari kaedah pedalang muda dalam persembahan dalam wayang kulit ini. Hal ini disebabkan oleh jika penggiat wayang kulit pedalang muda ini memberi pengetahuan dan ilmu yang dicurahkan yang mereka miliki kepada generasi kini sudah pasti adanaya pelapis yang dapat menyambung legasi pedalang muda persembahan wayang kulit ini. Oleh itu, persembahan pedalang muda dalam wayang kulit ini akan menerima tempias dengan penerimaan masyarakat terhadap kesenian tersebut. Sedikit sebanyak dapat diteruskan oleh generasi koni dan diterima oleh orang umum agar tidak pupus begitu sahaja.

Dari segi komuniti dan masyarakat pula, pengkaji berpendapat bahawa masyarakat seharusnya tidak memandang negatif dan enteng terhadap seni warisan persembahan wayang kulit kaedah pedalang muda ini. Masyarakat seharusnya memandang persembahan wayang kulit pedalang muda dari sisi yang baik dan positif dan tidak memandang sinis perkara yang kurang senang dan baik. Hal ini bukan bermaksud masyarakat tidak melihat perkara itu sebagai karut dan mengandungi unsur khurafat yang boleh dilabelkan sebagai menyekutukan Allah, akan tetapi ia perlu dilihat sebagai warisan turun temurun peninggalan keturunan terdahulu kepada generasi kini yang berjuang bergiat aktif dan menghidupkan warisan ini. Perkara itu perlu diteruskan oleh sisa baki bilangan yang tidak seberapa sebagai warisan negeri Kelantan.

Antara elemen yang menarik dan unik yang terdapat pada persembahan wayang kulit mengikut kaedah pedalang muda adalah seperti penggunaan alatan muzik tradisional seperti canang, serunai, gendang, gong dan lain-lain. Jika pedalang muda tidak mendapat populariti dalam komuniti setempat sudah semestinya alatan muzik tradisional Kelantan juga turut mengalami nasib yang serupa. Keunikan yang lain adalah seperti penceritaan yang dibawa oleh tok dalang dan alur cerita dan Bahasa yang digunakan dalam loghat Kelantan yang semestinya melucukan dan menghiburkan.

Dari segi pandangan agama pula, perkara ini sering menjadi bualan hangat orang umum dengan agama dan tidak boleh dipisahkan. Hal tersebut disokong oleh sesetengah pihak merasakan dan mempercayai bahawa ia merupakan sesuatu upacara dan ritual bercanggah

dengan ajaran islam yang sebenar. Oleh sebab itu, pengkaji mencadangkan supaya persembahan wayang kulit mengikut kaedah pedalang muda dimainkan langkah yang lebih selamat yakni tidak melibatkan ritual dan upacara yang mampu membuat penonton terpukau dan teringang-igang semasa menyaksikan persembahan. Jika perkara tersebut dituruti maka persembahan wayang kulit mengikut kaedah pedalang muda menjadi popular dan sinonim dalam kalangan orang umum dan mendapat tempat di hati masyarakat.

Pengkaji juga turut mencadangkan dari aspek institusi atau pertubuhan perkumpulan. Melalui aspek ini, pengkaji juga mencadangkan supaya pihak-pihak tertentu seperti institusi kebudayaan negeri seperti yayasan warisan Johor, yayasan warisan Melaka mengambil berat akan persembahan wayang kulit mengikut pedalang muda ini walaupun ia berasal dari negeri Kelantan akan tetapi negeri seperti Johor dan Melaka boleh menitik beratkan dengan meningkatkan nilai wayang kulit pedalang muda ini. Pengkaji juga berpendapat kelab-kelab kebudayaan yang ditubuhkan oleh orang perorangan dan ditubuhkan mengikut kawasan perumahan dan perkampungan mengambil insiatif mengelemben tenaga yang padu dan buah fikiran mengambil sifat ambil berat akan wayang kulit khususnya pedalang muda. Kelab-kelab kebudayaan ini perlu mengelembeng meningkatkan usaha martabatkan persembahan wayang kulit di negeri selain negeri Kelantan agar kemeriahannya dapat setanding dengan negeri Kelantan. Ia juga perlu memberi peluang kepada mereka yang ingin memperluaskan bakat yang mereka miliki agar tidak pupus setakat itu sahaja. Dengan adanya peluang tersebut, maka tidak mustahil ia dapat dikembangkan di negeri lain dan dapat terus bergiat secara konsisten dan padu di negeri Kelantan khususnya di daerah Bachok.

Aspek keusahawanan dan komersial pula, pengkaji juga bersepakat bahawa menjadi salah satu aspek penting menjadikan pedalang muda dalam persembahan wayang kulit berkembang dan diterima masyarakat. Pengkaji membuat cadangan agar wayang kulit pedalang muda ini dipersembahkan di arena pentas di majlis-majlis tertentu dan forum untuk menyaksikan kebangkitan seni warisan ini kepada masyarakat di samping mempamerkan fungsi sebenar wayang kulit mengikut kaedah pedalang muda ini bukan sahaja untuk alat medium untuk masyarakat berhibur malah mewujudkan sau ikatan kesatuan di kalangan masyarakat. Dengan ini, cara tersebut mampu meraih sambutan dan seterusnya meraih populariti seni warisan ini daripada masyarakat.

Selain itu, pihak kebudayaan negeri perlu mencari dan mengesan pengamal dan pemain wayang kulit pedalang muda bagi dihimpun dan dikumpulkan bagi mengembangkan kerjasama bagi mewujudkan kerjasama untuk membuat program, seminar atau bengkel mengenai wayang kulit mengikut pedalang muda ini. Dengan adanya perancangan sedemikian, pemain wayang kulit pedalang muda ini dapat memberi dan mengajar sedikit sebanyak ilmu mereka kepada generasi baru. Hal ini akan membuat pedalang muda dan dalang muda yang kian meningkat naik akan terus diingati dan memberi kepercayaan dan semangat kepada generasi baru untuk menceburi bidang wayang kulit ini khususnya kaedah pedalang muda. Oleh yang demikian, peranan yang dimainkan oleh kebudayaan negeri dalam memastikan seni warisan ini kekal sebagai seni warisan tradisional negeri Kelantan amatlah penting.

Dengan adanya pemuliharaan sedemikian jelaslah bahawa wayang kulit pedalang muda membuat satu senario yang berbeza buat generasi baru dan mampu memberi semangat dan keyakinan kepada dalang muda yang baru menjinak-jinak ke dalam bidang ini untuk terus kekal berjuang untuk seni warisan ini.

Dengan itu, dapat dilihat bahawa pelbagai kaedah atau langkah yang boleh dibuat bagi meningkatkan lagi kemeriahinan dan sambutan masyarakat terhadap persembahan pedalang muda dalam wayang kulit ini. Nahtijahnya, golongan muda inilah yang perlu menggalas dan mengambil tempat yang ditinggalkan legasi dan ilmu dari generasi terdahulu untuk berjuang memartabatkan seni warisan pedalang muda dalam wayang kulit ke persada antarabangsa.

## 6.2. KESIMPULAN

Setelah semua kajian dan pemerolehan data dan maklumat yang dapat dikumpulkan dan dihasilkan, pengkaji dapat merumuskan kesimpulan terhadap tajuk kajian yang telah dibuat iaitu Kajian Terhadap Kaedah Pendalang Muda Persembahan Wayang Kulit Kelantan Di Daerah Bachok Kelantan. Melalui kesimpulan ini pengkaji dapat merumuskan bahawa objektif kajian yang telah disediakan oleh pengkaji tercapai ataupun tidak.

Dapat dirumuskan daripada semua kajian serta pemerolehan data dan maklumat yang diraih bahawa objektif kajian telah tercapai. Hal ini dapat dilihat dari perspektif objektif kajian yang pertama iaitu dapat mengenalpasti cara bagaimana persembahan wayang kulit dengan kaedah pendalang muda dipersembahkan. Persoalan ini terjawab apabila temu bual telah dilakukan kepada pengamal dan penggiat wayang kulit yang sering melakukan upacara pedalang muda ketika persembahan wayang kulit dimainkan. Hasil kajian yang telah dibuat dapat diselusuri dengan penggiat wayang kulit pedalang muda itu yang menerangkan peranan dalang dalam persembahan pedalang muda dalam wayang kulit. Dalam temu bual tersebut, terdapat beberapa pantang larang dan struktur langkah perlu diikut oleh tok dalang sebelum memulakan upacara. Dalam isi kandungan temu bual itu sendiri menyebutkan bahawa peralatan muzik tradisional Kelantan yang digunakan dalam pedalang muda dalam wayang kulit digunakan. Ia juga menyatakan berapa banyak lagu yang dimainkan dalam upacara dalang muda dimainkan dan upacara tersebut dijalankan selepas upacara bertabuh dilakukan.

Dengan ini, jelaslah bahawa objektif ini telah tercapai melalui kajian yang menggunakan kaedah kajian temu bual dan temu bual tersebut dirakam perbualan dan percakapannya bagi meraih dan memperoleh maklumat dari intipati perbualan temu bual tersebut. Melalui objektif kajian tersebut, sudah tercapai objektif tersebut dengan memperlihatkan bagaimana wayang kulit mengikut kaedah pedalang muda dilakukan atau dipersembahkan.

Melalui objektif kedua pula pengkaji dapat menilai bagi mengekalkan penerimaan golongan muda kini terhadap wayang kulit khususnya penggunaan kaedah pendalang muda dalam di negeri Kelantan. Hasil daripada kajian tersebut dapat dilihat bahawa masyarakat kini khususnya golongan muda agak berkurangan dan kurang berminat untuk mempelajari untuk mempelajari berkanaan pedalang muda dalam persembahan wayang kulit Kelantan. Akan tetapi golongan muda ini hanya berminat menonton dan menyaksikan persembahan tersebut. Kesenian wayang kulit pedalang muda kini mencari platform lain seperti media massa dan media sosial untuk menjadi alat hiburan dan juga banyak juga menonton di saluran video dan platform seperti tiktok dan Instagram tanpa menonton secara langsung.

Melalui objektif ketiga, pengkaji mendapati bahawa insiatif dan usaha yang digembleng bagi menganalisis idea pemerkasaan persembahan wayang kulit mengikut pedalang muda terhadap bagaimana meningkatkan nilai warisan wayang kulit khususnya kaedah pendalang muda. Jika diselusuri dari suatu sudut, proses berkanaan sebenarnya menagih satu ketelitian dan ketekunan bagi memastikan keberhasilan dan kebolehjayaan usaha kearah martabatkan persembahan wayang kulit Kelantan mengikut pedalang muda. Tidak

hanya setakat itu sahaja, kita berpendapat usaha terhadap persembahan wayang kulit Kelantan mengikut pedalang muda tidak hanya kepada komuniti masyarakat atau penggiat wayang kulit Kelantan pendalang muda itu sendiri, malah usaha tersebut turut disertai oleh beberapa badan berkepentingan yang membantu sedikit sebanyak seperti Jabatan Warisan Negara, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara yang sudah wujud di setiap negeri. Mereka berperanan dengan bertangungjawab untuk mengumpul tenaga bagi pembangunan dan pemerkasaan persembahan dan upacara tradisional yang tidak terhad pada wayang kulit Kelantan pedalang muda sahaja, malah ia meliputi aspek kebudayaan yang lain seperti dikir barat, tarian zapin, makyong dan sebagainya. Kewujudan badan-badan ini tidak hanya membantu kerajaan, malah perwartaan Akta Warisan Kebangsaan 2006 (Akta 645), ia membantu kerajaan merangka dan menggubal dasar dan polisi yang sesuai dengan pengamalan amalan dan upacara tradisional berorientasikan rakyat dan masyarakat atau komuniti dapat diperkasakan demi kelangsungan warisan tersebut masa akan datang.

Kesimpulannya, adalah tepat bagi menyimpulkan bahawa kesemua objektif yang digariskan itu sudah pengkaji telah tepat dan berjaya untuk pengkaji rungkai dan menjawab segala persoalan kajian yang ada dan ditimbulkan serta mencapai objektif yang diinginkan. Dengan menjawab segala persoalan ini, maka pengkaji telah mencetuskan beberapa idea yang bijak dan bernalas yang harapnya dapat dibuat dan dilaksanakan demi kepentingan kajian masa akan datang. Sesungguhnya, dengan beberapa modul dan cadangan yang difikirkan, maka beberapa persoalan dan insiatif yang dijawab pengkaji mengharapkan agar amalan tradisional dan upacara tradisional yang berkepentingan kepada rakyat terus dikekalkan demi kelangsungan kepada generasi akan datang.

## RUJUKAN

### **BUKU:**

John W. Creswell (3<sup>rd</sup> edition, 2008) Educational research –planning-conducting, and evaluating quantitative and qualitative research

Mohd. Ghousse Nassaruddin (2003) Muzik Tradisional Malaysia (Edisi Baharu): Dewan Bahasa dan Pustaka

Ibrahim Ariff. (2021). Melestari wayang kulit agar dihargai generasi muda. Singapura: Berita Harian, Singapura. Diakses daripada:

<https://www.beritaharian.sg/uncategorized/melestari-wayang-kulit-agar-dihargai-generasi-muda>

A. Ariffin. (2016). Wayang Kulit: Seni Teater Yang Perlukan Sentuhan Generasi Muda. Kuala Lumpur: Benar News, Malaysia. Diakses daripada:

<https://www.benarnews.org/malay/berita/my-wayangkulit-161123-11232016191257.html>

Hafizah Iszahanid. (2016). Islam pengaruhi seni wayang kulit. Kuala Lumpur: Berita Harian, Malaysia. Diakses daripada:

<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/12/227154/islam-pengaruhi-seni-wayang-kulit>

Latifah. (2016). Kesilapan dalang membuatkan wayang kulit terbabit syirik. Kuala Lumpur: Berita Harian, Malaysia. Diakses daripada:

<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/01/111439/kesilapan-dalang-membuatkan-wayang-kulit-terbabit-syirik>

Bernama. (2021). Tok dalang wayang kulit berbangsa Cina tetap ceria sambut Tahun Baharu. Kuala Lumpur: Berita Awani, Malaysia. Diakses daripada:

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tok-dalang-wayang-kulit-berbangsa-cina-tetap-ceria-sambut-tahun-baharu-282558>

Mastura. (2021). Wayang Kulit, Seni Warisan Yang Hampir Lenyap. Mampukah Tok Dalang Dari Kelantan Ni Sambung Legasi? Kuala Lumpur: Beatifulnara, Malaysia. Diakses daripada:

<https://beatifulnara.com/video-wayang-kulit-seni-warisan-yang-hampir-lenyap-mampukah-tok-dalang-dari-kelantan-ni-sambung-legasi/>

Bennie Zie Fauzi. (2016). Mengenali seni wayang kulit di Muzium Negara. Kuala Lumpur: Berita Harian, Malaysia. Diakses daripada:

<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/12/222479/mengenali-seni-wayang-kulit-di-muzium-negara>

**TEMU BUAL:**

Bachok, En Muhd Noor Arifin, temubual oleh Hadi Nor Haqim, (21.12.2022)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN  
**LAMPIRAN**



KELANTAN



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN